



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

Jilid I Bil. 21 Hari Rabu 31hb Julai, 1991

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:	
Perutusan daripada Dewan Rakyat	(Ruangan 1)
URUSAN MESYUARAT	(Ruangan 2)
JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 2)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan)	(Ruangan 39)
Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos	(Ruangan 59)
Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Syarikat Pengganti)	(Ruangan 88)
Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak	(Ruangan 100)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 31hb Julai, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang, di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Perutusan daripada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"30hb Julai, 1991.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara untuk mempersetujukannya:-

1. Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak;
2. Rang Undang-undang Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan (Pembubaran);
3. Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) (Pindaan).

Yang ikhlas

t.t.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat".

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S.S.Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak;
2. Rang Undang-undang Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan (Pembubaran);
3. Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan)(Pindaan),

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

LESEN MENANGKAP IKAN LAUT DALAM

1. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) berapa jumlah lesen menangkap ikan laut dalam di dikeluarkan sehingga sekarang;
- (b) adakah benar lesen menangkap ikan laut dalam ini telah dibekukan. Kalau benar apakah sebab-sebabnya; dan
- (c) adakah Kementerian sedar harga ikan terlalu tinggi sekarang ini kerana kurangnya tangkapan. dan banyak permintaan, apakah langkah Kementerian bagi mengatasi perkara tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S.S.Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:-

- (a) Jumlah lesen menangkap ikan laut dalam yang dikeluarkan di Malaysia sehingga sekarang ialah 526 unit.

- (b) Adalah benar bahawa pengeluaran lesen baru di Semenanjung Malaysia dibekukan ketika ini. Keputusan tersebut dibuat adalah berasaskan kepada keadaan sumber perikanan di perairan itu yang tidak mengizinkan sebarang pertambahan lesen baru. Langkah pembekuan lesen baru ini adalah penting untuk melindungi dan memelihara sumber-sumber perikanan di samping menjaga kepentingan nelayan-nelayan dan bot-bot yang sedia ada. Dalam masa yang sama Kementerian Pertanian Malaysia sentiasa mengkaji sumber-sumber tersebut dari masa ke semasa. Apabila keadaan sumber perikanan mengizinkan pertambahan lesen baru, maka permohonan baru mungkin akan dipertimbangkan berasaskan kepada kes demi kes.
- (c) Kementerian sedar bahawa harga ikan meningkat dalam beberapa bulan kebelakangan ini. Sebab-sebabnya bukan kerana tangkapan berkurangan, tetapi harga ikan meningkat mengikut kenaikan harga kebanyakan barangan dalam negara. Angkattunjuk harga pada umumnya meningkat. Dari segi pendaratan ikan adalah didapati bahawa pada umumnya pendaratan telah meningkat. Bagi tahun 1991 berbanding 1990 pendaratan ikan telah meningkat sebanyak 49%. Keadaan ini diharap dapat diatasi dengan adanya penerokaan bot-bot laut dalam. Bot-bot berkenaan akan mendarat ikan bagi memenuhi permintaan dalam negeri. Faktor-faktor penawaran dan permintaan akan memainkan peranannya dalam menentukan harga ikan.

Tuan Haji Mustaffa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Timbalan Menteri yang berkenaan memberi sedikit penjelasan.

Pertama, adakah 526 unit lesen laut dalam ini beroperasi kesemuanya?

Kedua, apakah Kementerian sedar lesen-lesen yang dikeluarkan ini sebahagian kecilnya telah beroperasi di-luar negara?

Ketiga, mengapa lesen ini kebanyakannya diluluskan kepada mereka yang tidak menjadi nelayan tulen?

Dato' S.S.Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah 526 permit yang telah diluluskan dan yang masih didapati sah, sebanyak 426 buah bot sedang dalam operasi, manakala sebanyak 37 permit adalah dalam proses sedang dibina dan sebanyak 63 belum di bena lagi.

Tentang lesen-lesen atau bot yang telah diberi lesen, yang sedang beroperasi di luar perairan negara kita, di luar perairannegara kita, ini adalah di bawah bidang kuasa negara-negara asing dan mereka perlu memahami atau menyedari risiko bahawa negara-negara asing boleh mengambil tindakan mengikut undang-undang masing-masing terhadap bot-bot yang menangkap ikan di perairan negara-negara asing.

Bot-bot laut dalam itu telah diberi kepada nelayan-nelayan tulen ataupun mereka yang ingin melabur di dalam bidang ini. Bot ataupun perusahaan menangkap ikan di laut dalam ini memerlukan modal yang lebih besar dan oleh kerana itu mereka yang memohon dan didapati mempunyai pengalaman dan modal telahpun dikeluarkan lesen pada masa yang lalu.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan satu soalan tambahan. Adakah benar dakwaan bahawa kurangnya tangkapan ikan ini disebabkan oleh ancaman daripada lanun ataupun daripada penjenayah-penjenayah yang lain di laut dalam. Jika benar, apakah langkah Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

Dato' S.Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab tadi bahawa tidaklah benar bahawa penangkapan dan pendaratan ikan dalam negara kita telah berkurangan. Saya telah memberi angka bagi tahun yang lalu di mana dibandingkan dengan tahun 1990 dan pada tahun 1991, penangkapan dan pendaratan telah meningkat sebanyak 49%. Walau bagaimanapun tentang ancaman-ancaman ataupun mereka yang merupakan sebagai ancaman kepada nelayan-nelayan kita, pihak penguatkuasa Merin bersama-sama dengan polis telah menjalankan penguatkuasaan di perairan Malaysia dan kalau dapat masalah ini kita sentiasa mengambil tindakan untuk melindungi nelayan-nelayan kita.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun dikatakan tadi peningkatan pendaratan ikan bertambah tetapi harga ikan masih tinggi kerana permintaan begitu banyak. Saya difahamkan terdapat pengusaha-pengusaha tangkapan laut dalam ini mendaratkan sebahagian besar ikan mereka ke Thailand dan juga Singapura. Itu saya rasa masalah besar menyebabkan kekurangan yang terdapat kerana ramai lagi pemakan-pemakan ikan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah soalan tambahannya?

Tuan Haji Abdul Hajid bin Haji Abdullah: Jadi, soalan tambahan saya sedarkah Kementerian sebab-sebab inilah dikatakan pusat pendaratan ikan itu tidak sesuai yang ada di negara ini. Jadi, apakah langkah untuk mengatasinya?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta ulangi ayat yang terakhir.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, difahamkan pusat pendaratan ikan ataupun pengkalan pendaratan ikan tidak sesuai bagi mereka untuk memunggah ikannya dan terpaksa dia memunggah di Thailand ataupun di Singapura. Itu satu sebab yang menjadikan kekurangan ikan.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama bot-bot yang diberi lesen oleh negara kita dilarang untuk membuat pendaratan di mana-mana luar negara. Jika Kementerian memperolehi maklumat ataupun laporan, kita akan mengambil tindakan terhadap bot-bot ini termasuk membatalkan lesen-lesen yang telah diberi.

Yang keduanya, pada amnya saya telah menjelaskan dalam jawapan saya naik atau turunnya harga adalah bukan berasaskan kepada kekurangan pendaratan. Saya telah menjawab bahawa pendaratan telah meningkat dan jumlah ikan yang dieksport dari negara kita pun telah meningkat. Bagi tahun 1988 kalau nilai yang kita eksport ke negara-asing adalah berjumlah \$507 juta, bagi tahun 1989 ini merupakan \$577 juta perbezaan ataupun peningkatan sebanyak \$120 juta. Ini nilai eksport ikan daripada Malaysia. Bagi tahun 1990 dan bagi tahun ini

angka ini adalah diharap akan meningkat lagi. Tentang kesesuaian, buat masa sekarang Kementerian memikirkan pusat-pusat pendaratan ikan adalah sesuai.

KES-KES KEBELAKANGAN - PENYELESAIAN

2. **Tuan K. Vijayanathan** minta Menteri Kehakiman menyatakan berikutan dengan langkah-langkah yang diambil baru-baru ini oleh Ketua Hakim Negara dan juga oleh Kerajaan dalam penyusunan—penyusunan prosedur-prosedur dan perkara-perkara . lain berkaitan dengan penyelesaian kes-kes di Mahkamah, sama ada Menteri boleh mengesahkan adanya kemajuan di dalam penyelesaian kes-kes yang kebelakangan (backlog).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah kes-kes tertangguh di mahkamah-mahkamah. Langkah-langkah ini termasuk:

- (a) Perlantikan lebih ramai lagi Hakim Mahkamah Tinggi, Pesuruhjaya Kehakiman, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret;
- (b) Pembinaan lebih banyak lagi bilik bicara;
- (c) Perlantikan lebih ramai lagi kakitangan sokongan khususnya Jurubahasa, Kerani Pendaftar, Jurutaip dan lain-lain; dan
- (d) Membekalkan peralatan moden seperti alat komputer dan fax machine untuk mahkamah-mahkamah.

Di samping itu mulai 1 Januari 1991 semua kes-kes sivil (kecuali kes-kes sivil Tuntutan Kecil) di Mahkamah Majistret di Semenanjung dipindahkan ke Mahkamah Sesyen. Dengan berbuat demikian semua Majistret dapat menumpukan sepenuh masa untuk membicarakan kes-kes jenayah yang meliputi 98.5% daripada jumlah kes-kes jenayah di Mahkamah. Langkah ini

telah memberi kesan di mana kes-kes jenayah dapat dibicara dan diselesaikan dengan lebih cepat lagi di Mahkamah Majistret dan kes-kes sivil dibicarakan di Mahkamah Sesyen oleh pegawai-pegawai yang lebih berpengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita juga saya memaklumkan bahawa sebuah kajian sedang dijalankan oleh MAMPU mengenai kes-kes tertangguh dan kajian ini dijangka siap pada awal bulan depan. Apabila laporan ini diterima kelak, Kementerian akan mengkaji dengan teliti perakuan-perakuan yang dikemukakan dan jika didapati sesuai, tindakan akan diambil untuk melaksanakannya. Dengan terlaksana perakuan-perakuan tersebut adalah diharapkan masalah kes-kes tertangguh di mahkamah-mahkamah dapat diatasi dari masa ke semasa.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan setakat ini berapakah kes-kes yang tertangguh di seluruh Malaysia?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang tepat tetapi di dalam pengetahuan saya kes yang tertangguh adalah 3,000 lebih.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri Kehakiman. Apakah ada cadangan untuk melanjutkan perbicaraan ini kepada sebelah malam ataupun disebut mahkamah malam?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini ada dikemukakan oleh beberapa pihak. Buat masa ini kami belum lagi memikirkan perlu untuk mengenalkan mahkamah malam.

SINDIKET CURI KERETA

3. Tuan Ng Peng Hay minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah sindiket curi kereta telah dikesani dalam tempoh 2 tahun ini dan apakah langkah yang sedang/akan diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan kejadian ini. Setakat ini, berapa kes telah dibawa ke mahkamah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah sindiket curi kereta yang telah dapat dikesani dari tahun 1989 hingga Jun 1991 ialah 38 buah kumpulan melibatkan lebih kurang 269 orang ahli.

Langkah-langkah yang sedang/akan diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan kejadian kecurian kenderaan adalah seperti berikut:

- (i) melibatkan serta memperolehi kerjasama orang ramai memberikan maklumat-maklumat mengenai kenderaan-kenderaan yang dilaporkan curi;
- (ii) melancarkan operasi-operasi dari masa ke semasa oleh pihak polis untuk mengesan kenderaan-kenderaan yang dilaporkan di seluruh negara;
- (iii) menimbulkan kesedaran orang ramai supaya berhati-hati dan mengambil berat terhadap penjagaan harta benda mereka sendiri melalui sebaran am serta penekanan kepada langkah-langkah pencegahan;
- (iv) bekerjasama rapat dengan Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kastam serta lain-lain agensi Kerajaan yang bersangkutan-paut dari segi memperolehi maklumat serta perancangan tindakan untuk membanteras jenayah kecurian kenderaan;

- (v) penguatkuasaan pindaan Seksyen 379A Kanun Keseksaan yang mengenakan hukuman mandatori 1 tahun dan tidak melebihi 7 tahun ke atas mana-mana orang yang didapati bersalah melakukan curi kenderaan atau mana-mana bahagian kenderaan. Undang-undang ini sedikit sebanyak telah mempunyai pengaruh psikologi ke atas mana-mana individu atau kumpulan yang terlibat dalam kecurian kenderaan;
- (vi) kehendak 'Secondhand Dealer Act' supaya semua peniaga-peniaga secondhand memperolehi lesen berniaga juga dapat membendung kegiatan kecurian kenderaan kerana hanya mereka yang betul-betul hendak menjalankan perniagaan akan ditimbangkan permohonan lesen mereka.

Bilangan ahli-ahli sindiket yang terlibat dalam kes kecurian kenderaan bersindiket tertangkap yang dibawa untuk tuduhan di mahkamah adalah 195 orang untuk dua tahun yang lalu.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa kebanyakan kereta-kereta yang dicuri ini adalah untuk dieksport ke sempadan Malaysia dengan Thailand dan mereka tidak digunakan di Malaysia?

Tuan Ong Ka Ting: Tidak ada bukti atau gejala yang jelas untuk menunjukkan bahawa kereta yang dicuri itu hanya untuk dieksport. Walau bagaimanapun, Polis selama ini telah dapat mengesan kenderaan yang telah dicuri itu di merata tempat di dalam negeri ini.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan bahawa di kalangan pencuri ini ada terdapat golongan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang terdiri daripada pegawai Polis dan JPJ. Apakah ini benar?

Tuan Oag Ka Ting: Jawapannya adalah tidak benar.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, setiap kereta kita yang kita pakai ada kunci dan setiap kita berhenti di negara ini mengunci keretanya. Bagaimanakah pencuri itu dapat mengambil kereta itu sedangkan kereta itu berkunci?

Yang kedua, kalau kunci itu boleh dibuka, tidakkah dinasihatkan kepada pembuat-pembuat kereta supaya membuat kunci yang tidak boleh dicuri oleh orang?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana telah saya terangkan tadi, antara beberapa langkah yang kita telah ambil, salah satu ialah sentiasa mengingatkan orang ramai supaya menjaga harta benda dengan berhati-hati. Itu termasuklah mengambil langkah pencegahan termasuk sama ada misalnya kereta mereka itu dipasang dengan alarm ataupun cerminnya, dengan izin, sand blasting, dengan nombor dan sebagainya. Itu adalah semua nasihat yang kita beri kepada orang ramai.

Mengenai kunci yang boleh sindiket itu duplicate, dengan izin, saya rasa teknologi baru sekarang ini walau bagaimana kita tingkatkan pembuatan sesuatu alat, sindiket masih ada kemungkinan untuk melakukan sesuatu. Walau bagaimanapun, saya rasa yang lebih penting ialah tuan punya harta benda itu kena sentiasa berjaga-jaga.

KEMUDAHAN KREDIT KEPADA WARGANEGARA ASING - PEMBELIAN HARTANAH

4. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Kewangan menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula peraturan Bank Negara yang menghalang Institusi Kewangan daripada memberi kemudahan kredit kepada warganegara asing untuk membeli harta kediaman di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula peraturan yang melarang Institusi-institusi Kewangan daripada memberi kemudahan kredit kepada warganegara asing untuk membeli hartanah di negara kita.

Kementerian Kewangan berpendapat bahawa peraturan yang sedia ada sekarang ini adalah wajar bagi menjaga kepentingan rakyat Malaysia. Sekiranya warganegara asing diberi kebebasan meminjam di negara kita ini, ia mungkin digunakan untuk tujuan spekulasi ke atas hartanah dan mereka akan membawa balik keuntungan daripada kegiatan spekulasi tersebut tanpa memberi faedah kepada negara kita.

Kebebasan meminjam pada warganegara asing juga boleh menghadkan sumber kewangan untuk membiayai projek-projek yang produktif oleh pemastautin di negara ini. Peraturan ini tidak menjejaskan pelaburan warganegara asing di negara kita kerana pinjaman oleh ayarikat-syarikat milik asing untuk pembelian hartanah bagi tujuan meningkatkan daya pengeluaran di Malaysia termasuk untuk projek-projek perhotelan bagi menggalakkan pelancongan adalah dibenarkan sehingga 50% daripada kos projek.

KUALITI - KONSEP DAN KRITERIA

5 . P u a n **Kalthom binti Haji Othman** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) apakah konsep dan kriteria 'kualiti' yang menjadi cogan perkhidmatan awam dan bagaimana sebuah organisasi dan orang perseorangan layak mencapai taraf kualiti itu;
- (b) sila perincikan pencapaian PKENJ hingga ia layak menerima Anugerah Kualiti dari Kerajaan Pusat;
- (c) adakah Kerajaan Pusat itu sendiri dengan segala masalahnya sudah mencapai tahap kualiti. Jika tidak, mengapa. Dan jika ya, apakah keterangannya; dan
- (d) dengan segala kegiatan sampingan yang diselenggara oleh Kementerian Penerangan seperti projek Semarak, Kampungku, Jantung Hatiku dan lain-lain, adakah ia menjadi johan kualiti antara Kementerian-kementerian.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kualiti bermakna sesuatu perkhidmatan yang diberikan itu hendaklah dapat memenuhi kehendak-kehendak pelanggan yang menerima perkhidmatan itu. Misalnya, jika seseorang awam datang ke Pejabat Pos untuk mendapatkan perkhidmatan, beliau pasti mendapat layanan, yang baik dan urusan perkhidmatan dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang telah dijanjikan.

Untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti, sesebuah organisasi perlu mewujudkan standard-standard kualiti yang tertentu misalnya layanan yang bersopan-santun dan mesra, bertepatan masa dan perkhidmatan yang boleh dipercayai. Apabila standard tersebut telah kita capai, ini bermakna sesebuah organisasi atau seseorang pegawai atau staff telah memberi perkhidmatan yang berkualiti.

- (b) PKENJ telah menerima Anugerah Kualiti Perdana Menteri daripada Kerajaan Pusat berdasarkan kelebihan-kelebihan yang ada padanya jika dibandingkan dengan agensi-agensi lain. Hasil daripada pengurusannya yang berteraskan kualiti, PKENJ telah berjaya meletakkan dirinya setaraf dengan syarikat-syarikat gergasi lain di negara ini dan berjaya menaikkan imej dalam bidang korporat antara-bangsa. Kecemerlangan agensi ini adalah terletak pada komitmen pimpinannya yang tinggi terhadap pengurusan kualiti. Agensi ini telah menerajui usaha-usaha kualiti dengan cara membudayakan nilai-nilai kualiti menjadi budaya korporatnya. Selain itu, agensi ini telah mewujudkan struktur yang jelas bagi membolehkan setiap anggota memberi sumbangan-sumbangan tertentu. Dari segi sumbangan strategik, agensi ini telah menggunakan perancangan strategi korporat 5 tahun untuk merebut peluang-peluang keemasan yang wujud dalam persekitarannya dan mengekalkan daya-saingnya.

PKENJ juga menyedari hakikat bahawa sumber tenaga manusia adalah aset terpenting dalam pengurusan sesebuah organisasi. Dengan ini PKENJ telah mengatur program-program latihan kakitangan 5 tahun yang lengkap. Program-program latihan ini telah disokong pula dengan 'Dasar Etika Kerja Korporatnya. Berdasarkan kejayaan-kejayaan ini, kejayaan kecemerlangan yang telah dinyatakan PKENJ, telah diberi Anugerah Kualiti tersebut.

- (c) Daripada perspektif pengurusan kualiti, kita tidak boleh mengatakan sesebuah agensi Kerajaan itu telahpun mencapai tahap kualiti yang dikehendaki. Ini adalah kerana tahap kualiti ialah satu matlamat yang sentiasa berubah dan meningkat, a moving target, dengan izin. Sebab itulah sering dikatakan bahawa usaha mengejar kualiti sebagai satu perjalanan yang tidak mempunyai penghujungnya. Namun begitu, sukacita dimaklumkan bahawa pada keseluruhannya, agensi-agensi Kerajaan di negara ini telah memperlihatkan peningkatan kualiti yang membanggakan. Berdasarkan kajian ringkas ke atas 12 buah agensi Kerajaan yang dilakukan oleh Panel-panel Pemeriksa Anugerah Kualiti Perdana Menteri tahun 1990 yang lalu, jelas menunjukkan agensi-agensi tersebut mempunyai sistem, pengurusan kualiti yang mantap. Keadaan ini mungkin mereka memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada orang ramai dan melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan.
- (d) Kementerian Penerangan tidak menjadi johan kualiti antara Kementerian-kementerian walaupun ia telah menjalankan kegiatan sampingan seperti projek Semarak, Kampungku, Jantung Hatiku dan lain-lain.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pertama saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Penerangan yang telah menjalankan tugas-tugas tanggungjawab membimbing rakyat dalam pemikiran yang benar-benar berkualiti. Soalan tambahan saya ialah adakah rancangan-rancangan berkualiti ini akan diteruskan lagi terutamanya di Kelantan supaya pemerintahan negeri Kelantan sekarang ini dapat memahami perkataan 'Kualiti'.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Kerajaan akan sentiasa meneruskan usaha untuk meningkatkan kualiti ini termasuklah negeri Kelantan dan lain-lain negeri bagi membolehkan semua pihak memahami bahawa tanggungjawab Kerajaan ialah hendak meningkatkan kualiti, perkhidmatan yang baik untuk semua masyarakat termasuklah Kelantan.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang saya membuat soalan tambahan. Pertama saya ucapkan tahniah kepada pembawa soalan kerana 4 tahun saya sudah berada dalam Dewan, ini merupakan satu soalan yang paling dalam maknanya. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah definisi "Kualiti" dalam Islam dan setakat manakah pentadbiran Kelantan berkualiti?

Yang kedua, apakah pandangan. Yang Barhormat Setiausaha Parlimen sendiri, sama ada Kerajaan Kalantan dan Sabah layak tarima Anugerah Kualiti ini?

Yang ketiga, saya rasa yang ketiga ini tidak payahlah. Yang dua ini cukuplah. [Ketawa]

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, secara jelas saya telah memberikan definisi "Kualiti" bagi pegawai Kerajaan, agensi Kerajaan dan dalam Kerajaan. Soalan Yang Berhormat Azman Atar ini menumpukan kepada kualiti dalam Islam. Insya-Allah, sebab saya pun mengaji pondok sedikit dahulu. Bagi saya, kualiti dalam Islam itu ialah orang yang berilmu, beriman, beramal, taqwa, tidak ada sifat-sifat mazmumah, tidak ada maki orang, tidak ada mengata orang, tidak mencerca orang. Itu kualiti yang baik yang ada dalam Islam. Jadi, dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti itulah kualiti yang harus ada pada orang Islam iaitu berilmu, beriman beramal dan tawaduk sifatnya rendah diri.

Bagi saya dalam soal adakah Kerajaan Kelantan dan Sabah ini memberi layak atau tidak, saya fikir dia baru sahaja memerintah, insya Allah, kita akan beri pertimbangan untuk dia bertanding di antara negeri-negeri ini untuk diberikan sama ada layak menerima kualiti atau tidak.

PERUNTUKAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU

6. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) sila nyatakan peruntukan kampung-kampung bagi tahun 1991;
- (b) adakah kampung baru yang ditukar menjadi kampung itu mempunyai taraf sama dengan kampung tradisi; dan
- (c) adakah kampung-kampung yang tidak dimasukkan dalam kategori Kampung Baru pada masa dahulu kini boleh mendapat peruntukan yang sama dari Kementerian ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi program kemajuan perkampungan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi tahun 1991 adalah sebanyak \$5,830,000.
- (b) Kampung-kampung yang dahulunya digelarkan sebagai kampung baru akan mempunyai taraf sama dengan kampung-kampung ataupun penempatan yang lain. Tumpuan dan keutamaan yang sama diberi kepada kampung-kampung mundur bukan sahaja oleh Kementerian ini tetapi juga Kementerian-kementerian lain, khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan

agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya dan Pihak-pihak Ekonomi Kerajaan Negeri.

- (c) Sebagai penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat, kampung-kampung yang dahulunya digelar sebagai kampung baru telah diwujudkan pada zaman darurat iaitu tahun 1948 sehingga 1960 dan untuk tujuan tertentu, program kemajuan perkampungan di bawah Kementerian ini hanya menumpukan kepada kampung-kampung tersebut. Walau bagaimanapun, Kementerian ini juga akan memberi perhatian yang sama bagi menyalurkan peruntukan pembangunan kepada penempatan lain yang terletak di bawah pentadbiran Penguasa-penguasa Tempatan.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sejauh mana perkembangan dengan hasrat Kerajaan membawa industri karapung seperti kraftangan, ukir-ukiran dan sebagainya masuk ke kampung demi memberi faedah kepada penduduk-penduduk kampung.

Yang kedua, adakah Kementerian menyediakan tempat-tempat yang tertentu dan melonggarkan syarat-syarat untuk menggalakkan industri kampung.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya maksud Ahli Yang Berhormat kampung-kampung itu kampung-kampung tradisi, ianya sememang digalakkan. Bagi kampung-kampung baru, ianya tertakluk kepada kemampuan penduduk-penduduk tempatan. Sekiranya mereka berkemampuan, mereka juga boleh diberikan pertimbangan yang sama.

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

7. **Dr Nordin Selat** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sejauh manakah perpaduan kaum telah tercapai melalui Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah menunjukkan hasil positif di mana penyertaan kaum khususnya di dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan amat menggalakkan sekali. Terdapat ramai artia-artis bukan Melayu yang terlibat secara aktif dalam bidang tarian, nyanyian, theatre, muzik, penulisan, puisi, lukisan dan lain-lain lagi bidang kebudayaan dan kesenian. Di samping itu, penghayatan dan apresiasi terhadap kebudayaan kita semakin bertambah. Penglibatan dan suasana-suasana semasa yang menggalakkan itu bolehlah dianggap sebagai petunjuk wujudnya perpaduan kaum di negara ini.

GAGASAN EAEG - SAMBUTAN ASEAN

8. **Dato' William Chek Lin Kwai** minta Menteri Luar Negeri menyatakan: -

- (a) sambutan negara-negara ASEAN terhadap cadangan pembentukan Eaat Asian Economic Grouping (EAEG);
- (b) sikap Amerika Syarikat dalam perkara ini;
- (c) sama ada akan timbul masalah berikutan dengan sikap Amerika Syarikat; dan
- (d) adakah penolakan permintaan Amerika Syarikat untuk menganggotai pertubuhan ini akan menjejaskan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sukacita saya maklumkan bahawa di Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN di Kuala Lumpur pada 14-16 Mei

yang lalu, ASEAN telah membincangkan Kertas Kerja yang Malaysia sediakan mengenai EAEG itu. Mesyuarat tersebut telah memutuskan supaya dibentuk satu kumpulan kerja iaitu "Kumpulan Kerja ASEAN -Mengenai EAEG (ASEAN Working Group on EAEG)" untuk mengkaji cadangan tersebut dengan lebih lanjut dan melaporkan hasil-hasil kajian mereka kepada Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN ke 24 yang diadakan baru-baru ini dan juga kepada Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang dijadualkan dalam bulan Oktober nanti. Kumpulan Kerja ini dalam mesyuaratnya yang pertama pada 4-5 Julai yang lalu di Kuala Lumpur telah membincangkan dengan mendalam mengenai rasional dan konsep penubuhan EAEG dengau berpandukan. Kertas Kerja yang disediakan oleh Malaysia.

Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN ke 24 yang telah bersidang dari 19-20 Julai yang lalu telah membincangkan laporan yang disediakan oleh Kumpulan Kerja Mengenai EAEG. Dalam hal ini, Menteri-menteri Luar ASEAN tersebut telah:-

- (i) menyatakan rasa puas hati mereka terhadap kemajuan yang telah dicapai berhubung dengan kajian lanjut yang dibuat mengenai konsep EAEG ini;
- (ii) bersetuju supaya cadangan tersebut dikaji secara lebih mendalam dan dimajukan lagi; dan
- (iii) memutuskan bahawa mesyuarat-mesyuarat seterusnya diperlukan dan Mesyuarat Kedua Kumpulan Kerja ASEAN Mengenai EAEG ini diadakan di Singapura. Laporan mesyuarat tersebut akan dikemukakan kepada Menteri-menteri Luar dan Menteri-menteri Ekonomi

ASEAN. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN akan diadakan di Kuala Lumpur pada 7-8 Oktober nanti.

- (b) Malaysia telah menerangkan konsep penubuhan EAEG ini kepada Amerika Syarikat dengan jelas termasuk semasa pertemuan Setiausaha Negaranya, Encik James Baker dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sempena 'Post Ministerial Conferences' baru-baru ini. Encik Baker nampaknya berpuas hati dengan penjelasan yang telah diberikan dan menyatakan bahawa Amerika Syarikat akan mengkaji dengan lebih lanjut cadangan tersebut.
- (c) Memandangkan EAEG merupakan satu inisiatif yang baru, memang ada setengah-setengah pihak menyatakan keraguan mereka kerana mereka masih belum memahami sepenuhnya cadangan ini. Walau bagaimanapun, kita mengharapkan lama-kelamaan Amerika Syarikat akan memahami "rationale" dan objektif EAEG ini.
- (d) Dari sudut geografi, EAEG merangkumi 10 Ekonomi-ekonomi Asia Tenggara (South East Asia) iaitu 6 di ASEAN, 3 di Indo-China dan 1 di Myanmar; dan 6 pula Ekonomi-ekonomi dalam Asia Timur-Laut iaitu Jepun, China, Korea Utara, Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong. Oleh yang demikian, soal Amerika Syarikat menjadi ahli EAEG tidak timbul sama sekali memandangkan negara tersebut tidak termasuk dalam rantau, Asia Timur.

KESIHATAN RAKYAT TAHUN 2020

9. Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher minta Menteri Kesihatan menyatakan tindakan-tindakan yang akan dijalankan untuk memperbaiki kesihatan rakyat Malaysia di tahun 2020.

Menteri Kesihatan [Dato' Lee Kim Sai]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Wawasan 2020 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Malaysia akan menjadi sebuah negara yang maju.

Perubahan yang ada kaitan dengan kesihatan ialah:

- Corak demography di mana akibat jangka hayat yang panjang, bilangan penduduk yang tua akan bertambah (aging population). Selain itu, penduduk di bandar akan jadi lebih ramai daripada di luar bandar.
- Kedudukan epidemiologi di mana penyakit-penyakit tidak berjangkit akan muncul sebagai masalah kesihatan utama.
- Kadar kenal huruf dan masyarat yang lebih berpengetahuan (informed society) akan meningkat. Dengan ini pengharapan orang ramai juga akan meningkat.

Berasas kepada perubahan yang diramalkan, Kementerian Kesihatan Malaysia sedang dan akan mengambil beberapa langkah untuk menghadapi cabaran menjelang 2020. Di antara langkah-langkah ialah:

Promosi dan Pencegahan

Kempen penggalakan cara hidup sihat telah dilancar oleh Kementerian Kesihatan Malaysia baru-baru ini. Tujuannya ialah untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran rakyat terhadap penyakit-penyakit yang berkait dengan cara hidup. Di samping itu, ia juga bertujuan menggalakkan pengamalan cara hidup yang sihat melalui amalan pemakanan yang betul, mengawal berat badan, tidak merokok, melakukan senaman-senaman yang sesuai dan lain-lain lagi.

Kesihatan Mental

Kesihatan mental di masyarakat yang maju juga akan dipelihara supaya penduduk berupaya hidup dalam suasana yaag mencabar (streesful and competitive environment).

Kemudahan Kesihatan

Dalam pada itu, Kementerian akan terus membangun kemudahan kesihatan bagi menampung keperluan masyarakat. Ini termasuk meningkatkan taraf kemudahan sedia ada, membina kemudahan baru dan mewujudkan pusat cemerlang perubatan untuk menyokong pembangunan sains dan industri perubatan demi kepentingan negara.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk memperbaiki kesihatan pekerja-pekerja ladang khususnya, apa sudah jadi dengan cadangan-cadangan untuk hospital-hospital estet di bawah jagaan Kementerian Kesihatan.

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, hospital-hospital ataupun klinik perubatan di estet-estet itu adalah di bawah management ataupun pengurusan ladang yang berkenaan, tetapi Kementerian hanya untuk membantu sebagai kapasiti menasihati dan memberi bantuan dari segi latihan dan memberi bantuan dari segi perubatan.

Tuan Saidin bin Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat taham ataupun penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan pusat kesihatan luar bandar. Adakah Kerajaan bercadang akan menambahkan lagi bilangan doktor di pusat-pusat kesihatan luar bandar dan adakah doktor-doktor yang dicadang akan ditambah itu akan diambil daripada doktor daripada luar negeri misalnya daripada Indonesia kerana ramai doktor daripada Indonesia yang suka sangat berkhidmat dalam Malaysia disebabkan pendapatan yang tinggi dan doktor dalam Malaysia sendiri pula banyak yang bekerja sendiri ataupun membuka klinik swasta.

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, memang dalam rancangan Kementerian Kesihatan untuk menghantar doktor-doktor yang berkenaan kepada semua hospital dan pusat-pusat klinik di mana memerlukan perkhidmatan doktor. Sama ada doktor itu graduate daripada latihan-latihan saluran tertentu, iaitu universiti tempatan dan graduate daripada luar negeri, iaitu doktor Malaysia dan juga kalau didapati mana-mana kekurangan doktor yang berkenaan, itu juga

dalam rancangan Kementerian untuk mengambil doktor dari luar negeri termasuk doktor dari Indonesia, Myanmar, India, Bangladesh, Pakistan dan sebagainya untuk menampung keperluan doktor-doktor yang berkenaan untuk ditempatkan kepada pusat kesihatan hospital yang berkenaan.

KAD PENGENALAN BARU

10. **Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berhubung dengan kad pengenalan baru, bilakah undang-undang itu akan dikuatkuasakan; adakah bayaran-bayaran yang akan dikenakan itu tidak membebankan bagi orang-orang miskin.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, peraturan-peraturan mengenai kad pengenalan iaitu Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 telah mula berkuatkuasa pada 31hb Disember 1990. Bayaran-bayaran yang dikenakan untuk urusan yang berkaitan adalah munasabah dan tidak membebankan rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 11.

KHIDMAT BIMBINGAN KEPADA BELIA

11. **Dato' Azumu bin Tak (di bawah S.O. 23(2))** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada rancangan-rancangan untuk menolong belia-belia dan beliawanis-beliawanis yang suka membuang masa di pasaraya-pasaraya di seluruh negara ini, selain daripada kemudahan yang ada di Dayabumi, Kuala Lumpur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Ismail bin Said]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kemenuerian Belia dan Sukan memang ada beberapa rancangan untuk golongan belia yang suka membuang masa di pasaraya-pasaraya di seluruh negara selain daripada apa yang sedia ada di Kompleks Dayabumi Kuala Lumpur sekarang ini, misalnya bagi tahun ini sahaja, yakni tahun 1991, pihak Kementerian akan mewujudkan program yang serupa di Pulau Pinang, Ipoh dan Johor Bahru yang meliputi aktiviti-aktiviti seperti latihan kemahiran, kursus kepimpinan, perniagaan, rekreasi dan kesenian.

Bagi jangka panjang, Kementerian Belia dan Sukan sedang merancang untuk mewujudkan beberapa buah lagi Pusat Penerangan yang dipanggil Pusat Komunikasi Belia Bandar yang akan ditempatkan dalam kawasan yang strategik di bandar-bandar utama di seluruh negara.

Fungsi utama Pusat ini adalah untuk menyebarkan maklumat-maklumat mengenai aktiviti-aktiviti Kementerian Belia dan Sukan. Di samping itu juga ia akan berfungsi untuk memberi khidmat bimbingan kepada golongan belia.

KAD PENGENALAN BIRU PALSU

12. **Tuan Frankie Chong Yu Chee** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) adalah dipercayai bahawa sindiket membuat kad pengenalan biru palsu berlaku di negeri Sabah dan berapakah orang atau kumpulan yang dapat dikesan oleh pihak Polis setakat ini;
- (b) apakah langkah Kerajaan untuk memastikan bahawa si pemegang kad pengenalan palsu itu tidak terlibat dalam penukaran kad pengenalan baru apabila ia dilancarkan di seluruh negara; dan
- (c) cara manakah Kerajaan dapat mengelakkan si pemegang kad pengenalan biru palsu untuk mendaftar sebagai pengundi di sesuatu kawasan mengundi.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan bahagian (a) pihak Polis sedang menyiasat mereka yang terlibat dalam membuat, mengedar dan memiliki kad pengenalan biru palsu di Sabah. Setakat ini sebanyak 20 kumpulan sindikit telah dikenalpasti dan bilangan orang yang telah ditangkap adalah 138.

Untuk bahagian (b), pihak Jabatan Pendaftaran Negara akan membuat semakan yang teliti ke atas semua maklumat yang dikemukakan oleh setiap permohonan sebelum seseorang itu dikeluarkan dengan kad pengenalan baru. Mereka yang memiliki kad pengenalan palsu tidak akan dikeluarkan dengan kad pengenalan baru.

Untuk (c) pihak Suruhanjaya Pilihanraya ada membuat penyemakan dengan Jabatan Pendaftaran Negara untuk memastikan kad pengenalan itu memang dikeluarkan oleh Jabatan berkenaan.

TABUNG PEMULIHAN USAHAWAN (TPU)

13. **Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa TPU masih berjalan di peringkat pelaksanaan tempoh permohonan baru telah dihentikan. Apakah langkah-langkah Kementerian Kewangan untuk mengendalikan tabung ini di masa akan datang dan ke manakah wang tersebut akan dilaburkan atau bagaimanakah pengurusan tabung ini akan dilaksanakan di masa akan datang.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Tabung Pemulihan Usahawan atas panggilan ringkasnya TPU ditubuhkan untuk membantu usahawan—usahawan bumiputera yang berdaya maju tetapi terjejas disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku dalam pertengahan tahun 1980an. Dengan demikian, soal pengendalian tabung itu di masa depan adalah juga berbangkit kerana operasi tabung itu akan diberhentikan setelah usaha-usaha pemulihan yang sedang dijalankan sekarang selesai dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mulai 1 Januari 1991, Sekretariat TPU tidak lagi menerima permohonan baru bagi mendapat bantuan. Pada masa ini, urusetia TPU hanya memberi tumpuan ke atas permohonan yang diterima sebelum tarikh tersebut. Jumlah permohonan yang diterima oleh urusetia TPU sejak skim itu dilancarkan dalam tahun, 1968 ialah sebanyak 1,497 permohonan. Sehingga 31 Julai 1991, sebanyak 1,453 permohonan atau 97.1% daripada jumlah permohonan telah dibincangkan oleh panel khas dan kedudukannya adalah seperti berikut:-

407 permohonan telah diluluskan bantuan kewangan berjumlah \$559.9 juta; 373 permohonan diselesaikan dengan kerjasama institusi-institusi kewangan yang memberi pinjaman tanpa melibatkan bantuan kewangan daripada TPU. Dengan itu, sebanyak 780 permohonan telah mendapat bantuan daripada TPU, iaitu kira-kira 55% daripada jumlah permohonan kesemuanya sekali; 31 permohonan ditangguh kerana kurang maklumat; dan 642 permohonan ditolak kerana tidak memenuhi syarat kelayakan. Ini termasuklah kerana projek tidak berdaya maju, pemohon telah muflis dan operasi telah diberhentikan dan ada juga permohonan yang tidak menghadapi masalah tetapi mencuba untuk mendapatkan bantuan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan \$500 juta bagi TPU adalah disediakan oleh Bank Negara Malaysia. Dengan demikian, wang itu akan dikembalikan semula kepada Bank Negara Malaysia setelah operasi TPU diberhentikan dan terpulanglah kepada Bank Negara sendiri untuk menentukan kegunaan wang itu nanti.

PENERBANGAN TERUS KUANTAN - KOTA BAHRU

14. **Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementeriannya bercadang untuk mengadakan penerbangan terus (direct flight) dari Kuantan ke Kota Bahru untuk menampung kehendak industri pelancongan serta penumpang-penumpang tempatan yang memerlukannya.

Timbalan- Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti

Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan dan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) buat masa ini tidak bercadang untuk mengadakan penerbangan terus dari Kuantan ke Kota Bahru. Langkah ini diambil memandangkan jumlah trafik yang kecil dan terdapatnya kemudahan jalanraya yang baik di antara kedua-dua ibu negeri tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat pertumbuhan trafik udara yang munasabah, Kementerian Pengangkutan dan MAS bersedia menimbangkan perkhidmatan udara di antara Kuantan dan Kota Bahru.

TANDAS CURAH/BEKALAN AIR LUAR BANDAR

15. **Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah bantuan-bantuan kemudahan asas kesihatan (tandas curah, pengawalan air bersih) serta pendidikan asas kesihatan telah disampaikan kepada penempatan Orang Asli di kawasan pinggir dan pedalaman. Didapati banyak lagi kawasan-kawasan tidak mempunyai tandas-tandas yang sesuai dan masih menggunakan air sungai dan bukit.

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, projek-projek bantuan asas kesihatan seperti tandas curah dan sistem bekalan air luar bandar telah diadakan di beberapa kampung Orang Asli di seluruh negara melalui Program Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling, Kementerian Kesihatan, Malaysia. Sebagai contoh, di negeri Selangor, projek tandas curah dan sistem bekalan air telah dilaksanakan di kampung Orang Asli Pertak dan kampung Orang Asli Buluh Telor dalam daerah Hulu Selangor dan Kampung Dong Lai Baru dalam daerah Hulu Langat.

Rancangan sedang dibuat untuk melaksanakan projek-projek yang serupa di lain-lain perkampungan Orang Asli yang masih belum mempunyai kemudahan asas ini. Kawasan-kawasan yang diberi keutamaan adalah kawasan-kawasan penempatan Orang Asli yang tetap.

LESEN PENGILANG

16. **Puan Hajah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan industri menyatakan berapa banyakkah kilang-kilang yang berjalan di seluruh Malaysia sekarang ini mengikut negeri-negeri yang tidak begitu pasti lesen-lesennya dan apakah tindakan Kerajaan terhadap pengusaha-pengusaha tersebut.

Dato' Dr. K. S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Perdagangan Antarabangaa dan Industri hanya menyimpan rekod syarikat-syarikat perkilangan yang tertakluk kepada perlesenan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian

1975 ataupun ICA. Apabila Akta ini mula berkuatkuasa pada tahun 1976, syarikat yang mempunyai dana pemegang saham \$250,000 dan lebih atau 25 pekerja sepenuh masa dikehendaki mendapatkan lesen pengilang.

Sejak Oktober 1986, hanya syarikat yang mempunyai dana pemegang saham \$2.5 juta dan lebih ataupun 75 pekerja sepenuh masa perlu mendapatkan lesen pengilang di bawah Akta ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara tahun 1976 hingga Mei, 1991 sebanyak 8,786 lesen pengilangan telah dikeluarkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975. Bagi syarikat-syarikat yang tidak perlu mendapat lesen pengilangan di bawah ICA tahun 1975, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tiada rekod syarikat-syarikat ini. Walau bagaimanapun, untuk mengurangkan bilangan syarikat yang sedang beroperasi tanpa lesen pengilang serta mendapat profile sektor perindustrian yang lebih komprehensif, kajian sedang dijalankan untuk mewujudkan satu sistem bagi mendaftar semua syarikat perkilangan.

KAWALAN ULAT PLUTELLA ZYLOSTELLA

17. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Pertanian menyatakan berhubung pendekatan ekologi yang telah digunakan pada tahun 1970 untuk membalas serangan sejenis kupu-kupu yang dinamakan "diamondback moth" (*Plutellaxylostella*) pada kubis muda yang ditanam di Tanah Tinggi Cameron. Beberapa jenis tebuhan parasit telah diimport untuk melawan serangan "diamondback moth" kerana daya melawan kupu-kupu itu terhadap racun-racun serangga kian bertambah kuat:

- (a) sejauh manakah kawalan biologi ini yang menggunakan "nature to control nature" atau "serangga untuk mengawal serangga" berjaya;

- (b) selain daripada menggunakan "serangga untuk mengawal serangga" (tebuan parasit menyerang ulat beluncas Jenis "diamondback moth"), adakah contoh-contoh serangga lain yang digunakan untuk mengawal rumput-rumpai; dan
- (c) racun-racun serangga bila digunakan dengan bijak adalah cara yang amat berkesan untuk menghapuskan serangga perosak tetapi, cara itu juga mendatangkan berbagai keburukan seperti pencemaran, menguatkan daya lawan serangga dan menjejaskan kesihatan manusia. Memandangkan ini, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian tentang penggunaan kawalan biologi iaitu, serangga untuk mengawal serangga.

Dato' S. Subramaiam: Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1970an satu pendekatan ekologi kawalan ulat *Plutella zylotella* telah dimajukan dan dikenali sebagai Pengurusan Perosak Bersepadu (PPB). Dalam PPB racun serangga bersifat "selective" akan digunakan apabila perosak mencapai tahap ambang ekonomi atau Economic Threshold Level, dengan izin. Kawalan biologi merupakan tema utama di dalam PPB. Sehingga kini Kementerian Pertanian telah mengimport empat jenis parasit. Saya fikir nama-nama teknikal tidak payah saya sebutkan. Dari keempat-empat jenis parasit ini dua jenis telah menapak di Cameron Highlands bagi mengawal perosak di atas. Di samping itu, parasit *Apanteles plutellae* yang sentiasa ada di negara ini juga dapat mengawal ulat *Plutella*.

Bagi menjawab:

- (a) kawalan biologi biasanya tidak mengawal perosak sepenuhnya. Walau bagaimanapun, ia boleh merendahkan populasi perosak kepada tahap yang tidak merosakkan tanaman. Bagi kawalan *Plutella zylotella* di Cameron Highlands, kedua-dua parasit yang diimport (yang saya tidak sebutkan namanya tadi) boleh mengawal sehingga 75%.

tahap kawalan ini biasanya racun serangga perosak tidak diperlukan untuk mengawal perosak *Plutella*. Jika kawalan biologi rendah daripada 40% dan bilangan perosak melebihi 4 ekor sepokok, racun biologi *Bacillus thuringiensis* akan digunakan. Racun serangga biologi ini tidak toksik pada manusia dan juga musuh-musuh semula jadi. Racun kimia hanya akan digunakan apabila populasi melebihi 7 ekor sepokok. Ini adalah kerana kawalan amat diperlukan untuk mengelakkan kerugian pada tanaman.

- (b) Selain daripada mengawal serangga perosak, serangga juga boleh digunakan untuk mengawal rumput-rumpai. Di Malaysia beberapa jenis serangga telah digunakan untuk mengawal rumput-rumpai itu, umpamanya:
 - (i) *Schematiza cordiae* - digunakan untuk mengawal *Cordia curassavice*
 - (ii) *Cyrtobagus salviniae* - untuk mengawal *Salvinia molesta* (rumput baldu); dan lain-lain.
- (c) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam bidang kawalan biologi adalah:
 - (1) Menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras Kawalan Biologi Kebangsaan yang berperanan mengenalpasti, merancang dan menyelaras bsrbagai aktiviti penyslidikan dan pelaksanaan kawalan biologi di negara ini. Jawatan-kuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MARDI dan dianggotai oleh semua agensi Kerajaan yang berkaitan, badan penyelidikan, institut pengajian tinggi dan pihak swasta yang terbabit dalam bidang pertanian.

- (2) Pihak MARDI dan Jabatan Pertanian telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kebangsaan PPB Tanaman Sayur-sayuran. Di bawah Jawatankuasa ini satu Jawatankuasa Kecil Teknikal PPB *Plutella zylostella* telah ditugaskan untuk melaksanakan program penyelidikan dan pelaksanaan PPB di ladang. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah;
- (i) Latihan kepada pelatih;
 - (ii) Latihan kepada petani;
 - (iii) Pemiakan massa (mass breeding) parasit *Plutella*;
 - (iv) Pelepasan parasit *Plutella* di ladang;
 - (v) Menyelaraskan kesan-kesan sampingan akibat penggunaan racun perosak yang tidak bijaksana; dan
 - (vi) Mengawasi populasi perosak-perosak tanaman krusifer di ladang.

PROGRAM AGAMA DI TV DAN RADIO

18. Tuan Azman Attar bin Othman minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah program-program agama akan diswastakan supaya mutunya boleh ditingkatkan.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk menswastakan rancangan-rancangan agama di televisyen dan radio. Walau bagaimanapun rancangan-rancangan agama yang berbentuk filem seperti juga filem-filem drama yang lain akan terus diswastakan menurut keperluan dan juga kualiti yang dipersembahkan oleh ayariat-syarikat yang berminat.

BEKALAN ELEKTRIK DI ESTET

19. **Tuan V.K. Sellappan** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) berapakah bilangan estet yang sudah menikmati bekalan elektrik daripada TEN pada masa kini;
- (b) berapakah bilangan estet yang belum ada bekalan elektrik di mana TEN boleh memberikan bekalan;
- (c) berapakah bilangan estet yang TEN tidak boleh bekalkan; dan
- (d) apakah langkah-langkah TEN untuk memujuk ladang-ladang untuk mendapatkan bekalan elektrik dari TEN.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' S.Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan- soalan seperti berikut:

- (a) kajian oleh TNB atau Tenaga Nasional Bhd. mendapati sebanyak 31 estet atau ladang telah menikmati bekalan elektrikdaripadaTNB;
- (b) kajian yang sama mengenalpasti sebanyak 133 ladang yang belum mendapat bekalan di mana TNB boleh memberikan bergantung kepada peruntukan dari pihak-pihak yang tersebut;
- (c) TNB telah mengenalpasti sebanyak 12 ladang yang mana bekalan tidak dikehendaki memandangkan ladang-ladang ini tidak mempunyai bangunan dan rumah-rumah di dalamnya. Walau bagaimanapun adalah menjadi tanggungjawab Tenaga Naaional Bhd. untuk mengadakan bekalan elektrik kepada ladang-ladang ini juga. Ladang-ladang yang lain apabila diperlukan nanti mengikut dasar-dasar perkongsian kos yang akan dipersetujui; dan
- (d) pada amnya kos penjanaan untuk TNB pada kadar seunit adalah lebih murah dan bekalan yang lebih stabil jika dibandingkan dengan penjanaan sendirian. Dengan adanya dasar kos infrastruktur dibiayai bersama oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, ladang dan TNB galakan ini seharusnya menarik minat ladang-ladang.

SYARIKAT-SYARIKAT PEMBEKAL FILEM BUMIPUTERA

20. **Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Penerangan menyatakan:
- (a) sejauhmanakah penglibatan pengusaha-pengusaha asing yang terlibat di dalam membekalkan bahan siaran tempatan di RTM dan TV3; dan
 - (b) apakah langkah-langkah Kementerian bagi membantu syarikat-syarikat usahawan Bumiputera yang kecil daripada ditindas oleh gergasi-gergasi di dalam membekalkan rancangan televisyen untuk RTM dan TV3.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Haji Jaffery]:

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sangat mementingkan perkembangan Production House tempatan, dalam hal ini semua bahan-bahan siaran tempatan yang disiarkan baik melalui RTM atau TV3 diperolehi daripada punca-punca tempatan sahaja yang berdaftar dengan FINAS.

RTM membeli rancangan-rancangan daripada pembekal-pembekal yang menepati garis-garis panduan Lembaga Penapis Filem baik RTM mahupun TV3, tidak mengambilkira sama ada pembekal-pembekal rancangan itu besar ataupun kecil. Apa yang penting adalah supaya rancangan-rancangan berkenaan yang diterbitkan itu adalah berkualiti daripada segi isi kandungan dan tekniknya supaya sesuai untuk siaran.

Bagi jawapan yang kedua, usaha Kerajaan untuk membantu syarikat-syarikat kecil daripada ditindas oleh syarikat-syarikat gergasi ialah melalui FINAS, Kerajaan telah menggalakkan untuk membantu syarikat-syarikat bumiputera yang kecil serta memberikan bantuan daripada segi Skim Kemudahan Produksi, pengecualian

daripada cukai hiburan dan juga Skim Sewa Alat kepada syarikat-syarikat yang tidak berkemampuan, agar dapat membantu mereka untuk meneruskan di dalam pengeluaran satu-satu filem ataupun terbitan. Terima kasih.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada Yang Berhormat sedar ataupun, tidak ada pengeluaran filem tempatan yang telah membelanjakan beratus-ratus ribu ringgit untuk dibekalkan tayangan dengan RTM ataupun dengan TV3 maka filemnya ditolak dengan begitu sahaja. Kalau ianya benar sama ada Kementerian Yang Berhormat ingin menubuhkan satu Lembaga Penapis di mana boleh diambil dari Senator ataupun Ahli Parlimenpun boleh **[Ketawa]** supaya ianya tidak dianggap bahawa ada pilih kasih di dalam Kementerian Penerangan daripada menolak filem-filem daripada usahawan bumiputera sendiri. Saya ingin tahu Yang Berhormat?

Tuan Railey bin Haji Jaffery: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator Azman. Tetapi pada pendapat saya mungkin baru-baru ini ada sebuah filem yang telah ditolak untuk ditayangkan, kalau saya boleh sebut, nama filem itu pada Dewan yang mulia ini ialah 'Fantasia'. Yang sebenarnya 'Fantasia' ditolak tidak ada kena-mengena dengan Kementerian Penerangan, kerana ia telah melalui penapisan filem di bawah Kementerian Dalam Negeri yang telah memberikan alasan bahawa unsur-unsur yang terdapat dalam filem tersebut ialah unsur-unsur yang menunjukkan satu kesalahan dari segi akidah Islam, jadi oleh

kerana itulah filem itu tidak dapat diluluskan. Kita juga faham bahawa pengeluaran filem tersebut saya bersetuju telah memakan belanja yang begitu besar, tetapi walau bagaimanapun seperti kita ikuti disurat-suratkhabar sepanjang kontrovesi ini berlaku, di mana pihak pengeluar atau penerbit telah membuat rayuan kepada Penapisan Filem supaya filem ini dapat dipertimbangkan semula untuk ditayangkan di panggung-panggung. Terima kasih.

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN - MENARIK PELANCONG

21. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah ada usaha-usaha untuk membantu Wilayah Persekutuan Labuan menarik pelancongan dari Brunei dan Filipina sebagaimana Johor Bharu menarik pelancong dari Singapura.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, negara-negara Brunei Darussalam dan Pilipina merupakan pasaran penting untuk menarik pelancong-pelancong ke Labuan. Ini disebabkan lokasinya begitu dekat dan strategik, sesuai Labuan diisytiharkan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa, Kerajaan secara bersepadu telah merancang untuk mengadakan berbagai perkhidmatan dan produk-produk untuk pelancong-pelancong. Antaranya, mewujudkan tempat-tempat rekreasi dan meningkatkan pusat-pusat membeli-belah.

Menjelang bulan November, 1991 ini Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Labuan bagi menganjurkan Pesta Labuan yang akan dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti seperti persembahan kesenian, sukan laut dan darat, gerai jualan, teater, marathon antarabangsa, kraftangan, musik dan pameran atau expo.

Tuan Yang di-Pertua: Urusan yang lainnya.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Hulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 22 hingga 41 akan dimasukkan ke dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KKRAJAAN TEMPATAN (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (30hb Julai, 1991)

Tuan Yang di—Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya [menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad untuk menyambung ucapannya.

3.35 ptg.

Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi kebenaran untuk menyambung ucapan saya daripada petang semalam bersabit dengan Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1991.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh di atas Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1991 ini, memandangkan bahawa Kementerian ini telah begitu memandang jauh dan telah menganalisa sejauh mana kesukaran-kesukaran yang telah diterima oleh rakyat jelata apabila seseorang itu untuk memohon mendapatkan lesen.

Dengan adanya pandangan jauh ini maka hasrat Kerajaan untuk menempuh ataupun untuk memenuhi Wawasan 2020 itu akan tercapai. Dengan adanya Inisiatif-inisiatif ataupun dayausaha-dayausaha yang dijalankan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini bagi memudahkan untuk mendapatkan lesen.

Di dalam subseksyen 1(A) bertujuan membenarkan mana-mana lesen atau permit yang diberikan di bawah Akta dikeluarkan bersesama dengan mana-mana lesen ataupun permit lain. Begitu juga kepada

subseksyen 8, yang mana kalau hari ini seseorang yang ingin memohon lesen bagi menjalankan peniagaan cara dia untuk mendapatkan lesen itu terlalulah susah dan kita tahu di seluruh negara hari ini ramai penganggur, ramai orang yang telah pencen, ramai orang yang tidak mempunyai pekerjaan dan ramai yang berminat untuk menjalankan perniagaan. Oleh yang demikian, proses untuk mendapatkan lesen ini saya berharap kepada Bahagian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat memenuhkan atau mengisi cara-cara yang lebih mendatangkan manfaat. Apa yang saya sebutkan di sini seperti kemudahan-kemudahan di pejabat-pejabat tersebut supaya diletakkan komputer-komputer yang diperlukan bagi menjalankan tugas ini dengan sempurna.

Hari ini kita lihat rata-rata bahawa untuk mendapatkan satu lesen, hendak menjual dengan izin, burger pun susah, hendak menjual air tebu pun susah. Hari ini kalau memohon, hantar surat pada Jabatan sampai di Jabatan untuk diterima jawapan mengambil masa dua minggu, selepas itu Jabatan akan menjawab pula dengan menghantar borang, setelah borang diisi dan dihantar balik dua minggu. Selepas dua minggu campur dua minggu sudah jadi sebulan. Apabila sebulan hendak dinanti temuduga memakan masa lagi kemungkinan dua minggu, kemungkinan tiga minggu dan kemungkinan satu bulan. Satu bulan campur satu bulan jadi dua bulan, dalam pada bersemangat untuk berniaga, mendapatkan lesen daripada Kerajaan Tempatan semangatnya hilang, hatinya tidak mahu lagi berniaga.

Oleh sebab yang demikian, adanya Kerajaan Tempatan menganalisa kembali atau syarat-syarat untuk mendapatkan lesen ini, saya sungguh-sungguh menyokong di atas dayausaha ini. Syabas dan saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Tempatan di bawah Kementerian Perumahan ini. Ini juga satu cara bagi boleh mendatangkan satu kegemaran, satu kehendak yang meluas bagi seluruh rakyat, lebih-lebih lagi rakyat yang ingin memulakan perniagaan dengan cara kecil-kecilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya belum menyentuh lagi masalah pelaburan, tetapi kalau yang kecil ini dapat dipermudahkan, yang besar ini pun akan mengikut, dan dengan cara demikian kita dapat menggalakkan perkembangan dalam apa-apa jua seperti perniagaan, pekerjaan, pelaburan dan pembangunan di tiap-tiap negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak banyak untuk diperkatakan di dalam masalah pindaan kepada Akta Kerajaan Tempatan ini kerana ianya telah bagi saya dibuat dan dianalisa secara menyeluruh. Dengan ini, saya menyokong Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1991. Sekian, terima kasih.

3.42 ptg.

Tuan Chong Chi Siong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian bersama-sama dengan rakan-rakan Yang Berhormat membahaskan satu Akta untuk meminda-Akta Kerajaan Tempatan 197b.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju dan menyokong penuh atas pindaan beberapa seksyen yang benar-benar memberi manfaat kepada penjaja kecil, pengusaha sederhana ataupun pelabur asing. Pindaan ini adalah selaras dengan satu langkah yang bijak menuju ke arah sebuah negara yang maju, di mana dengan masanya untuk mematuhi

seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, iaitu mencapai sebuah negara maju pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah berkhidmat di Majlis Daerah sebagai ahli Mesyuarat selama 4 tahun sebelum dilantik sebagai Ahli Dewan Negara. Justeru itu, suka saya mengemukakan beberapa kelemahan yang sedang berlaku dalam urusan Pihak Berkuasa Tempatan. Pentadbiran Majlis Daerah bergantung kepada seorang Yang di-Pertua, Setiausaha dan kakitangan-kakitangan Kerajaan untuk menjalankan tugas dari masa ke semasa. Mesyuarat penuh diadakan setiap bulan dan anggotanya terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan setempat, dan ahli-ahli wakil parti politik. Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil seperti Pelan, Perancangan, Pelesenan, Kewangan, Lalulintas dan lain-lain adalah ditubuhkan seumpama itu. Saya suka menarik perhatian Kementerian bahawa mesyuarat penuh bulanan atau mesyuarat Jawatankuasa Kecil, semua mesyuarat ini dianggotai atau diketuai oleh seorang Yang di-Pertua, lebih-lebih lagi jawatan yang penting ini disandang sebagai kerja sambilan oleh Tuan Pegawai Daerah dengan elaun hanya \$200 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit perkara ini tidak niat jahat hendak tegur mana-mana pihak. Cubalah lihat dan cubalah ingat seorang Pegawai Daerah yang sudah cukup sibuk dalam urusan mesyuarat berkaitan Pejabat Daerah, manakala urusan dalam Majlis Daerah bertambah banyak sejak masa kebelakangan ini. Saya tidak dapat menemui Yang di-Pertua untuk membincangkan sesuatu, melainkan pada masa makan tengahari ataupun lewat petang di pejabatnya apabila kakitangan-kakitangan sudah pulang. Nampaknya jawatan seorang Yang di—Pertua semakin masa semakin penting.

Tuan Yang di-Pertua, tibalah masanya bagi saya bercadang di Dewan yang mulia ini melantik seorang Yang di-Pertua menjalankan tugas sepenuhnya dengan gaji lumayan demi kepentingan rakyat jelata khasnya, seluruh negara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini juga menyebut satu perkara lagi. Perkara ini tidak sebut, mati bapa, bila sebut mati emak. Sebenarnya elaun bagi seorang ahli Mesyuarat iaitu \$100 sahaja sebulan, di Negeri Sembilan. Saya tidak pasti akan kadarnya di lain-lain negeri tetapi di negeri Johor ada \$250 setahu saya. Kadar ini adalah terlalu rendah - untuk minum kopi pun tidak cukuplah. Maka itu saya sengaja sebut \$1,200 setahun semasa saya sandang sebagai ahli Mesyuarat. Apatah lagi seorang yang menyandang jawatan ini dianggap seorang bernama ataupun orang besar oleh masyarakat secara umum. Justeru itu, jemputan perkahwinan, hari jadi dan sebagainya cukup banyak diterima. Bagi masyarakat Tionghua, "angpau" perkahwinan dan hari jadi ialah sekurang-kurangnya \$30.00 atau \$50.00. Bila orang mati pula, didermakan sekurang-kurangnya \$10.00. Ada juga lain-lain derma seperti kepada masyarakat belia, sekolah dan badan sukarela. Jadi, saya bercadang tiba masanya bagi Kementerian semak semula dan juga menyelaraskan elaun seorang ahli Majlis Daerah ke satu tahap yang lumayan demi kepentingan untuk meningkatkan taraf perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Seksyen 107, Seksyen baru 1A mana-mana lesen atau permit yang diberikan di bawah Akta ini boleh dikeluarkan bersesama dengan mana—mana lesen atau permit lain. Berkaitan dengan Seksyen ini, sukalah saya mengemukakan kerumitan-kerumitan yang dihadapi oleh peniaga-peniaga kedai runcit, sebagai contoh sahaja. Lesen ataupun permit bagi kedai runcit adalah sebanyak 7 jenis. Di antaranya terdiri daripada:

- (1) Lesen arak ada 2 jenis. Jenis borong atau runcit, dikeluarkan oleh Pejabat Daerah. Bayarannya \$960 setahun.
- (2) Lesen beras ada juga borong dan runcit, dikeluarkan oleh LPN, Kuala Lumpur. Bayarannya \$220 setahun.
- (3) Lesen bagi barang-barang kawalan. Ada borong sahaja, tidak ada runcit, dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kuala Lumpur. Bayarannya \$25 setahun.
- (4) Lesen perniagaan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Bayarannya ialah \$120 setahun.
- (5) Lesen kereta tolak dengan 3 roda dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan juga. Bayarannya \$25 setahun.

Cubalah lihat begitu banyak lesen-lesen atau permit-permit yang ditanggung oleh peniaga-peniaga kecil. Tidakkah boleh Kementerian menyelaraskan lesen tersebut demi kebaikan peniaga-peniaga kecil supaya akhirnya meringankan beban kuasa beli kepada pengguna-pengguna pada keseluruhannya.

Jadi, dengan kata-kata itu, sukalah saya sekali lagi memohon menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Terima kasih,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Che Pora.

3.50 ptg.

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang berucap bernama rakan-rakan yang lain untuk menyokong Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) yang dibentangkan oleh Yang Berhormat semalam.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa pindaan ini perlu dibuat untuk mensekukan pemberian permit ataupun lesen kepada pemohon-pemohon. Keseragaman ini amat perlu kerana perbezaan yang diamalkan di antara Majlis Tempatan Daerah-daerah amatlah merugikan dan juga menjadi rungutan-rungutan kepada pihak orang ramai. Penyelarasan lesen-lesen ini akan memberi manfaat kepada banyak peniaga-peniaga kecil dan akan menjimatkan masa untuk mereka menguruskan urusan lesen-lesen ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan termaktubnya undang-undang ini, saya percaya pentadbiran Kerajaan-kerajaan Tempatan akan berjalan dengan lebih licin lagi. Saya yakin peniaga-peniaga menyambut baik langkah-langkah Kerajaan melanjutkan jangkamasa daripada satu tahun kepada 3 tahun kerana ia akan menjimatkan masa kedua-dua belah pihak. Pihak peniaga tidak perlu lagi memikirkan dan menguruskan lesennya pada tiap-tiap tahun dan begitu juga di pihak Kerajaan, di mana pegawai-pegawainya dapat menumpukan masa untuk memproses permohonan-permohonan yang lain dan dengan ini saya rasa kedua-dua pihak akan berasa gembira.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang keseragaman ini, saya ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan iaitu berkaitan dengan Kerajaan Tempatan ini ada banyak perkara lagi yang perlu dikaji dan diseragamkan.

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam proses mengindahkan dan mencantikkan bandar-bandar yang dijalankan oleh pihak Majlis Kerajaan Tempatan, saya mendapati perkara-perkara ini dijalankan oleh buruh-buruh yang menjalankan kerja-kerja ini dengan sesuka hati mereka. Contohnya, dalam menanam pokok-pokok. Pokok-pokok ini tidak dikenalpasti ataupun dipilih pokok-pokok yang baik dan yang cantik, tetapi adalah diserahkan kepada buruh-buruh ini untuk menanam pokok-pokok, tidak kira pokok apa, asalkan ianya ditanam. Pada pendapat saya, tidak ada satu planning ataupun perancangan yang dibuat dengan baik oleh seorang profesional ataupun satu jawatankuasa untuk racrancangan. kcindahan dan mencantikkan bandar ini. Kita lihat ada bandar yang cantik dan ada bandar yang orang Kedah kata tanaman-tanaman pokok ini "haru-biru" sahaja.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita berharap Majlis Tindakan Daerah ini dianggotai oleh profesional-profesional yang mempunyai kepakaran di dalam bidang-bidang tertentu yang dapat menjalankan tugasnya dengan baik dan juga dengan lebih bermakna kepada penduduk-penduduk di pekan itu. Kerana kita rasa kalaulah benda-benda yang dibuat oleh Majlia Tempatan ini menjadi sungutan-sungutan orang ramai ataupun diperolok-olokkan, kita rasa ini adalah satu perkara yang tidak menyenangkan bagi pihak Kerajaan untuk mendengarnya.

Selain daripada itu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti sama ada di dalam pengambilan pekerja-pekerja ini dijalankan oleh pihak Majlis Tindakan Daerah itu sendiri ataupun diluluskan oleh pihak Kementerian. Tetapi apa yang saya dapat tahu baru-baru ini, ada satu Majlis Tindakan Daerah telah mengambil seorang pegawai

dan ini dijalankan oleh Yang di-Pertua Majlis Tindakan Daerah Tempatan itu sendiri. Dalam proses mengambil pegawai ini ada rungutan-rungutan daripada orang ramai, kononnya, pihak Yang di-Pertua Majlis Tindakan Daerah ini memilih kasih. Memilih orang yang dicadangkan oleh orang yang tertentu, tetapi tidak memilih orang yang layak dan mempunyai keluluaan dan kemahiran untuk memenuhi jawatan tersebut.

Jadi, kalaulah perkara ini sering berlaku ataupun tetap berlaku di Majlis-majlis Tindakan Daerah, saya berharap pihak Kementerian akan memberi satu perhatian yang wajar dan menyelaraskan perkara ini supaya mungkin dapat menubuhkan satu Jawatankuasa Pemilih yang ditentukan oleh pihak Kementerian sendiri, tetapi tidak dibiarkan berlaku di Majlis-majlis Daerah Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara-perkara yang disarankan ini, saya sangatlah berharap untuk mendapat perhatian dan tindakan yang sewajarnya oleh pihak yang berkenaan walaupun tidak disebut di dalam Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) yang dikemukakan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ng Peng Hay.

3.55 ptg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) dan terus memohon izin untuk mengambil bahagian dalam perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa pindaan kepada Rang Undang-undang ini adalah tepat dan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk Wawaaan 2020. Apa yang difahamkan ialah bahawa

selepas pindaan ini Kerajaan Tempatan akan diberi kebenaran dan kuasa untuk menyelaraskan pengeluaran lesen-lesen. Saya suka mengambil kesempatan ini mencadangkan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan bahawa selain daripada pindaan Rang Undang-undang ini, Kementerian Kerajaan Tempatan harus memastikan segala permohonan lesen-lesen di tiap-tiap Kerajaan Tempatan diproses dengan cepat.

Saya juga suka mencadangkan supaya Kementerian Kerajaan Tempatan harus memberikan satu arahan kepada semua Kerajaan-kerajaan Tempatan supaya menubuhkan Jawatankuasa Pusat Serenti (One Stop Agency), dengan izin, untuk memproses semua permohonan lesen. Kerana apa yang saya dapati selama ini dan kami mendapat banyak aduan daripada orang ramai "dalam permohonan lesen-lesen daripada Kerajaan Tempatan bahawa ia mengambil masa yang begitu panjang dan kalau sekiranya ada Jawatankuasa Pusat Serenti (One Stop Agency) maka permohonan ataupun pemprosesan permohonan, lesen akan dapat dipercepatkan.

Selalunya sesuatu permohonan lesen memerlukan pandangan daripada Jabatan-jabatan Kerajaan, maka ia terpaksa memakan masa yang panjang. Maka sekiranya ia mengadakan satu Jawatankuasa Pusat Serenti (One Stop Agency), maka ia, akan dapat menyelaraskan semua Jabatan-jabatan Kerajaan dan ada baiknya sekiranya Kementerian Kerajaan Tempatan dapat memberikan satu arahan kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan supaya tiap-tiap satu permohonan lesen patut diberikan satu had tempoh iaitu dalam tempoh 2 minggu bagi sesuatu permohonan itu patut diberikan satu jawapan sama ada permohonan sesuatu lesen itu dapat dipertimbangkan atau ditolak.

Kerana sslalunya seseorang pemohon lesen itu mengambil masa 3 hingga 6 bulan, tetapi belum tahu lagi keputusan sesuatu permohonan itu.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya Kementerian Kerajaan Tempatan memberikan satu had tempoh masa kepada semua Kerajaan Tempatan tidak kira sama ada permohonan lesen perniagaan ataupun lesen penjaja, mesti diberi satu had tempoh supaya pegawai-pegawai Kerajaan akan memproseskan sesuatu permohonan itu dalam jangka tempoh masa dua minggu dan memberikan satu jawapan sama ada permohonan itu ditolak ataupun diberi pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh di sini berkenaan dengan kadar bayaran lesen-lesen yang dikeluarkan oleh Kerajaan Tempatan. Saya berharap Kementerian Kerajaan Tempatan akan mengambil perhatian. Kadangkala di antara Majlis-majlis Daerah di dalam sesuatu negeri mempunyai kadar bayaran lesen yang berbeza-beza.

Saya berpendapat kadar bayaran lesen hanya sebagai satu kutipan hasil untuk Kerajaan Tempatan dan sepatutnya diselaraskan dan jangan kerana mengadakan kutipan hasil ini yang akan membebankan seseorang peniaga ataupun penjaja.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya suka menyentuh berkenaan dengan kuasa seorang pegawai pelesenan yang mana selalu kami mendapat aduan bahawa kadangkala ada pegawai-pegawai pelesenan memberikan interpretasi yang berlainan di dalam sesuatu definisi. Apa yang saya suka timbulkan khususnya pada petang ini ialah berkenaan masalah lesen iklan yang mana telah dikuatkuasakan tetapi di tiap-tiap Majlis-majlis Daerah ataupun Kerajaan-kerajaan Tempatan, pegawai pelesenan mengadakan interpretasi, dengan izin, implementation yang berlainan. Kadangkala kami mendapat aduan sehingga hari ini walaupun masalah papan tanda yang mana bahasa yang tepat, bahasa yang patut digunakan masih menjadi satu isu pertengkar antara pegawai dengan ahli-ahli perniagaan.

Saya sebut demikian kerana baru-baru ini di Majlis-majlis Daerah, saya difahamkan khususnya di Melaka dan Negri Sembilan bahawa masih ada lagi Kerajaan-kerajaan Tempatan tidak dapat menyelaraskan masalah lesen iklan. Contoh yang saya sebut ialah berkenaan dengan Bahasa Malaysia yang digunakan serta bahasa-bahasa lain seperti bahasa Tionghua dan lain-lain yang mana dalam Akta Iklan menyebutkan Bahasa Malaysia mesti digunakan, dengan izin, lebih porminence. Maka definisi porminent iaitu Bahasa Malaysia mesti dapat dibaca dengan begitu jelas. Tetapi kerana ada sesetengah pegawai pelesenan mengadakan interpretasi yang berlainan bahawa Bahaaa Malaysia mesti tiga kali ganda besar daripada bahasa-bahasa lain khususnya Bahasa Malaysia mesti lebih besar tiga kali

ganda daripada bahasa Tionghua. Ini telah mewujudkan satu kekeliruan dan salah faham di antara pihak ahli perniagaan dan pegawai-pegawai Kerajaan dan telahpun menjadikan satu isu untuk Pembangkang menimbulkan sebagai satu isu perkauman.

Maka oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Kerajaan Tempatan akan memainkan peranan untuk menyelaraskan Akta Iklan ini supaya Kerajaan-kerajaan Tempatan mengikut arahan daripada Kementerian Kerajaan Tempatan. Jangan kerana pertukaran seorang pegawai pelesenan yang baru, beliau pandai-pandai mengubahkan dasar-dasar yang telah dipersetujui oleh semua pemimpin-pemimpin daripada komponen-komponen parti Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga suka saya menyentuh berkenaan dengan penyelarasan lesen yang dikeluarkan oleh Kerajaan Tempatan. Saya suka menyentuh perkara ini adalah kerana berkaitan dengan promosi Kerajaan kita di negara-negara luar. Apa yang saya sebut ini ialah kerana apabila Kerajaan kita menghantar rombongan ke negara-negara luar untuk menarik pelaburan ke negara kita, Menteri-menteri yang telah membuat seminar promosi di negara-negara luar telah menyebutkan segala permohonan untuk lesen perkilangan hanya boleh dipohon melalui MIDA. Tetapi maklum balas yang saya dapat baru-baru ini ialah kilang-kilang yang telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui MIDA mendapatkan lesen perkilangan tetapi mereka telah mendapat kompaun yang dikeluarkan oleh Kerajaan-kerajaan Tempatan kerana menurut pegawai-pegawai Kerajaan Tempatan, mereka diberi kuasa untuk mengeluarkan lesen-lesen yang berlainan seperti lesen perniagaan dan lesen premises.

Maka saya berharap, adalah baiknya Kementerian Kerajaan

Tempatan menyelaraskan perkara ini supaya ia tidak mengelirukan pelabur-pelabur asing yang telah dijanjikan oleh Kerajaan kita iaitu mana-mana permohonan untuk lesen perkilangan hanya dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan industri dan jangan ada pegawai-pegawai penguatkuaaa daripada Kerajaan Tempatan cuma hendak mengeluarkan kompaun terhadap pelabur-pelabur yang ada di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya mengambil perhatian Dewan ini bahawa baru-baru ini apabila berlakunya peristiwa Sungai Buloh bahawa ramai pegawai-pegawai penguatkuaaa Kerajaan Tempatan telah berebut-rebut untuk melawat ke kilang-kilang dan mereka pula terus mengeluarkan kompaun-kompaun kepada pengilang-pengilang kerana mereka khuatir berlaku dan berulangnya peristiwa Sungai Buloh. Saya berpendapat bahawa pegawai-pegawai penguatkuasa sepatut dan seharusnya mengubah sikap mereka dan mendidik orang ramai sertaahli-ahli perniagaan, dan bukan hanya mengeluarkan kompaun terhadap seseorang sahaja. Saya mendapat maklum balas bahawa di sesetengah Kerajaan Tempatan, pegawai-pegawai kanan memberikan arahan kepada pegawai-pegawai penguatkuasa supaya mengeluarkan tidak kurang daripada 50 kompaun seminggu bagi tiap-tiap seorang pegawai penguatkuaaa dan kalau seorang pegawai penguatkuaaa tidak mengeluarkan kompaun melebihi 50, itu bermakna pegawai penguatkuasa berkenaan tidak cekap. Jadi, ini adalah satu sikap yang salah kerana saya berpendapat pegawai penguatkuasa bukan sahaja mengeluarkan kompaun tetapi juga mereka adalah dipertanggungjawabkan untuk mendidik orang ramai terhadap mematuhi segala undang-undang dan dasar-dasar Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Kerajaan Tempatan akan memainkan peranan untuk menyelaraskan semua Kerajaan-kerajaan Tempatan tentang perkara-perkara yang saya sebut. Saya menegaskan di sini dan merayu kepada Kementerian Kerajaan Tempatan untuk menyelaraskan segala masalah yang saya sebut tadi kerana selama ini saya difahamkan Kementerian Kerajaan Tempatan tidak memainkan peranan untuk menyelaraskan semua Kerajaan-kerajaan Tempatan sehingga menimbulkan kekeliruan orang ramai dan salah faham di antara Kerajaan Tempatan dengan orang ramai.

Dalam Rang Undang-undang (Pindaan) pada petang ini adalah diberi kuasa kepada Kerajaan Tempatan untuk mengeluarkan lesen yang melebihi 3 tahun. Ini adalah satu pindaan yang tepat kerana saya memandangkan tiap-tiap satu perniagaan apabila diberikan lesen hanya bagi 12 bulan, adalah sukar bagi seorang pelabur tempatan untuk mendapatkan keuntungan dalam tempoh 12 bulan. Pindaan pada petang ini, yang mana Kerajaan Tempatan diberi kuasa untuk mengeluarkan lesen yang tidak melebihi 3 tahun itu adalah tepat. Saya berharap dengan kuasa yang diberi ini ianya akan memberikan satu kemudahan kepada ahli-ahli perniagaan di mana lesen yang dikeluarkan itu akan diperbaharui dengan secara automatik dan tidak perlu dimohon semula. Saya mendapati ada sesetengah Kerajaan Tempatan di tiap—tiap penghujung tahun, seseorang yang memegang lesen itu perlu mengemukakan permohonan baru dan Kerajaan Tempatan yang berkenaan akan memproses semula dan baru memperbaharui lesen yang dimohon.

Oleh yang demikian, saya berharap segala masalah-masalah dan cadangan-cadangan saya itu akan diambil perhatian oleh Kementerian Kerajaan Tempatan untuk kebaikan orang ramai dan untuk kebaikan pembangunan negara kita. Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya

menyokong penuh atas Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan). Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Menteri daripada Kementerian Perumahan untuk memberikan jawapan.

4.08 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan bcrbanyak-banyak ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun menyokong Rang Undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1991.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat bahawa ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang ini telah menyuarakan pandangan-pandangan walaupun pandangan-pandangan itu kebanyakannya tidak secara langsung ada hubungan dengan pindaan undang-undang ini.

Walau bagaimanapun, saya sukalah menyatakan di sini bahawa pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian oleh Kementerian untuk melicinkan lagi pentadbiran Majlis Kerajaan Tempatan bagi menggerakkan lagi pembangunan di daerah masing-masing.

Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay telah menyatakan bahawa proses lesen hendaklah dipercepatkan pengeluarannya. Tujuan kita untuk mengubah undang-undang ini ialah supaya masa yang diambil oleh pengusaha-pengusaha akan dapat dipendekkan. Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya apabila pindaan ini berkuatkuasa kelak, maka Pihak-pihak Berkuasa Tempatan akan dapat mewujudkan satu pusat bayaran setempat iaitu one-stop-agency, dengan izin, bagi melaksanakan sistem borang permohonan lesen secara komposit, pengeluaran lesen komposit dan juga perlanjutan lesen daripada satu tahun hinggalah kepada tiga tahun.

Suka saya nyatakan di sini bahawa pindaan undang-undang ini adalah bertujuan untuk mempercepatkan lesen-lesen yang dikeluarkan oleh Majlis atau Pihak Berkuasa Tempatan di mana premis atau tempat untuk menjalankan perniagaan itu disediakan oleh pengusaha itu sendiri. Pindaan Rang Undang-undang ini tidak bertujuan untuk memberi galakan kepada penjual-penjual runcit seperti mobile hawkers, dengan izin, yang menjual air tebu, burger, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Jamaludin Haji Ahmad kerana lesen-lesen serupa ini, iaitu lesen-lesen penjaja terpaksa dikemukakan kepada Majlis dan Majlis terpaksa mengambil masa yang lama sedikit untuk mempertimbangkan lesen-lesen ini kerana Majlis

terpaksa mengadakan tempat-tempat yang sesuai untuk mereka ini menjalankan perniagaan mereka di kawasan Majlis-majlis Perbandaran.

Mengenai dengan saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay kadar bayaran emas hendaklah diseragamkan, lesen iklan, penggunaan bahasa juga menjadi isu. Saya rasa perkara ini telahpun dibincangkan di dalam Majlis Kerajaan Tempatan di mana setiap negeri di dalam mesyuarat Majlis Kerajaan Tempatan bagi seluruh negara dan jika sekiranya perkara ini masih menjadi satu persoalan, maka kita akan meminta Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memaklumkan kepada Majlis-majlis Tempatan tentang garis panduan yang telah digubal oleh Kerajaan Tempatan untuk disampaikan kepada pengguna-pengguna di daerah masing-masing.

Soal lesen yang dikeluarkan oleh MIDA atau daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, suka saya nyatakan lesen berniaga untuk satu-satu perniagaan boleh dikeluarkan oleh mana-mana pihak, tetapi lesen premis mesti juga mendapat lesen daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Ini perlu bagi membolehkan Majlis Tempatan mengawalselia premis tersebut supaya premis tersebut benar-benar sesuai untuk digunakan bagi tujuan perniagaan tersebut dan tidak akan menimbulkan masalah seperti apa yang telah berlaku di Sungai Buluh pada bulan Mei yang sudah.

Mengenai surat kompaun, kita akan mengambil pandangan Yang Berhormat itu dan kita akan sampaikan kepada pihak Majlis.

Yang Berhormat Senator Che Pora Haji Omar telah menyarankan supaya pengindahan diseragam dan dirancang mengikut perancangan yang benar-benar berciri profesional. Suka saya menyatakan di sini bahawa memang ada peruntukan di dalam pemilihan ahli-ahli Majlis

Tempatan untuk membolehkan orang-orang yang mempunyai profesyen yang tertentu bagi menganggotai Majlis-majlis Tempatan dan perlantikan ini adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Jadi, Kerajaan Negeri akan senantiasa mencari jalan untuk meningkatkan lagi taraf profesyen atau kecekapan ahli-ahli Majlis bagi meningkatkan mutu sumbangan mereka terhadap pentadbiran Majlis-majlis Tempatan.

Soal ada pilih kasih di atas pengambilan pegawai, kita akan ambil perhatian dan akan kita sampaikan kepada pihak-pihak yang tertentu.

Yang berhormat Senator Chong Chi Siong telah menimbulkan soal pentadbiran Majlis Perbandaran, mesyuarat dan elaun yang diterima oleh ahli-ahli Majlis. Suka saya nyatakan di sini bahawa perkara ini seringkali ditimbulkan di dalam mesyuarat Majlis bagi Kerajaan Tempatan dari Majlis berkeputusan untuk menyerahkan budibicara Kerajaan Negeri kerana ada Kerajaan Negeri yang berkemampuan, maka elaunnya ada tinggi sedikit dan yang tidak berkemampuan, kuranglah elaunnya. Kita juga mencadangkan supaya pentadbiran Majlis itu sendiri dapat dipertingkatkan agar Majlis akan dapat memperolehi lebih banyak lagi pendapatan daripada aktiviti-aktiviti yang bergerak di kawasan Majlis itu. Dengan cara demikian, mungkin akan dapat memberi khidmat yang lebih baik kepada masyarakat dan juga ahli-ahli Majlis.

Suka juga saya nyatakan bahawa Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk melantik Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Majlis Daerah atau Majlis Perbendaharaan yang dibayar gaji tetap oleh Kerajaan tidak seperti yang ada berlaku pada hari ini di mana Pegawai Daerah kebanyakannya dilantik untuk menyandang jawatan-jawatan tersebut dan kita harap perkara ini akan dapat diselesaikan tidak berapa lama lagi.

Semalam Yang Berhormat Senator Hajah Rogayah binti Che Mat dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad ada menimbulkan beberapa perkara yang ada hubung-kaitnya dengan pindaan Rang Undang-undang kita pada hari ini. Sukalah saya nyatakan bahawa di atas kesedaran bahawa lesen-lesen yang dikeluarkan oleh Majlis-majlis Tempatan haruslah diseragamkan dan dipercepatkan, makanya telah mendorong kita untuk mengkaji dan menggubal dan mememukakan pindaan kepada Rang Undang-undang yang kita bincangkan pada hari ini.

Kita berharap dengan adanya pindaan kepada Akta ini segala masalah yang timbul pada hari ini, segala tidak puas hati masyarakat di dalara pengeluaran beberapa lesen yang perlu disegerakan akan dapat kita segerakan bagi kepentingan bukan sahaja pentadbiran Majlis Perbendaharaan, tetapi juga akan dapat menggerakkan lagi dan akan dapat menggalakkan pengwujudan dan menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur asing untuk bukan sahaja melabur di Majlis-majlis Tempatan, tetapi juga di seluruh negara yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang dapat saya beri jawapan kepada persoalan-persoalan yang di-timbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi, saya ucapkan berbanyak-banyak ribuan terima

kasih dan mana-mana perkara yang telah ditimbulkan yang telah tidak sempat saya beri jawapan, sukalah saya menyatakan di sini bahawa segala saranan yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN POS

Bacaan Kali Tang Kedua dan Ketiga

4.27 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Velly]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk mengawalseliakah perkhidmatan pos yang diadakan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, penswastaaan kini merupakan satu topik yang hangat dan mendapat perhatian ramai dan Kerajaan telah memutuskan supaya satu perkhidmatan yang lebih baik dapat disediakan kepada

kepada rakyat jelata dengan cara menswastakan agensi-agensi Kerajaan. Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya satu pendekatan yang lebih realistik dan berkesan dalam merangka strategi penswastaaan dibuat untuk memperkenalkan dan mewujudkan unsur-unsur persaingan di dalam pemberian perkhidmatan untuk kebaikan kepada pengguna dan negara.

Kita berpendapat bahawa dengan bersikap kreatif, kita berupaya menyelesaikan masalah-masalah yang wujud di dalam perkhidmatan pos. Rakyat Malaysia seharusnya memikirkan perubahan-perubahan yang bukan sahaja yang akan berlaku dari sekarang hingga menjelang tahun 2000, tetapi juga mengambilkira pandangan yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkaitan dengan Wawaaan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju. Dalam usaha kita untuk mencapai Wawasan 2020, kita seharusnya benar-benar bersedia untuk memperkenalkan kecekapan di dalam perkhidmatan. Dalam hubungan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya meningkatkan perkhidmatan kita kepada rakyat jelata dan ini merupakan satu cabaran kepada Jabatan-jabatan Kerajaan dan kakitangannya.

Kebanyakan negara yang maju percaya bahawa monopoli Kerajaan ke atas perkhidmatan pos adalah, dengan izin, economic enachronism, atau out-dated yang tidak lagi sesuai kini. Dalam kebanyakan negara maju gaji pekerja pos adalah 40% lebih tinggi berbanding dengan pekerja-pekerja lain. Aduan-aduan yang berterusan ke atas perkhidmatan yang lambat masih wujud dan surat-surat tiba ke destinasi lambat.

Oleh itu, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk melihat satu bentuk kecekapan, diperkenalkan melalui penswastaaan perkhidmatan pos dalam usaha untuk memenuhi keperluan sebuah negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, penswastaaan akan mewujudkan kecekapan, kepantaaan, semangat bekerja yang tinggi dan semangat kakitangan di kalangan semua pekerja perkhidmatan pos apabila diswaatakan kelak.

Usaha-usaha untuk menswastakan agensi-agensi Kerajaan telah dipergiatkan lagi semenjak pertengahan tahun 1989. Para pekerja yang pada asalnya tidak bersetuju dengan penswastaaan kini berubah fikiran dan menerimanya kerana ianya membawa satu suasana baru dan memberi lebih manfaat.

Kita memahami bahawa penswastaan mungkin menimbulkan masalah di peringkat permulaannya tetapi kita seharusnya sedar akan hakikat umum bahawa penswastaan adalah merupakan satu perubahan pemikiran yang baru yang tidak lagi menggalakkan atau menyokong pemilikan Kerajaan, dengan izin, state ownership dalam keadaan yang sedemikian. Saya berpendapat bahawa penswastaan boleh mewujudkan peluang dan cabaran kepada agensi-agensi Kerajaan dan para pekerjanya. Pengalaman Malaysia dibanding dengan penswastaan telah membawa banyak perubahan di mana satu bentuk budaya kerja yang baru yang mementingkan peningkatan kecekapan pekerja, perancangan berorientasikan keuntungan, pertumbuhan berlebihan dan pelaburan faedah-faedah daripada keuntungan dan yang diperolehi melalui penyediaan perkhidmatan yang cemerlang. Kepada rakyat jelata adalah merupakan satu perkara yang sangat penting pada hari ini.

Satu contoh yang ingin saya kemukakan di sini ialah bahawa sebelum Telekom Malaysia diswastakan, ia hanya memperolehi sebanyak \$5 juta sahaja setahun keuntungan. Sebaliknya, pada tahun pertama selepas diswastakan, Telekom Malaysia telah memperolehi keuntungan \$180 juta dan bagi tahun 1989 - \$36b juta; tahun 1990 \$564 juta; bagi akaun pertengahan tahun 1991 keuntungan sebanyak \$500 juta telahpun dicapai. Pada masa yang lalu Kerajaan banyak mencurahkan pelaburan tetapi tidak mendapat pulangan yang setimpal. Selepas penswastaan, Telekom Malaysia telah menjadi sebuah gergasi koporat, dengan izin, giant conglomerate dan menduduki tempat yang tinggi di

mempunyai rancangan untuk membelanjakan sebanyak \$1.3 bilion atau \$1,300 juta untuk menyediakan infrastruktur di dalam Rancangan Malaysia Keenam, khasnya kepada kawasan-kawasan luar bandar.

Dengan ini, saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita berharap untuk mendapatkan faedah-taedah yang telah saya sebutkan tadi bagi -projek-projek penswastaan yang lain termasuklah penswastaan Jabatan Perkhidmatan Pos segala apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional adalah demi kebaikan masa depan dan kemajuan negara dan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan prosedur-prosedar dan undang-undang penswastaan Jabatan Perkhidmatan Pos.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan dasar penswastaan Kerajaan, Jabatan Perkhidmatan Pos adalah merupakan salah sebuah jabatan Kerajaan yang telah disenaraikan akan diswastakan memandangkan ianya adalah sesuai dan mempunyai potensi untuk berdaya maju sebagai sebuah badan komersial. Usaha-usaha bagi melaksanakan penswastaan Jabatan Perkhidmatan Pos telah dijalankan dengan mengambil kira objektif-objektif penswastaan. Antara lain seperti berikut:

- (1) mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan;
- (2) menggalakkan pertandingan bebas, meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran negara;
- (3) mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara menerusi dasar penswastaan;
- (4) mengurangkan saiz dan penglibatan sektor awam dalam bidang ekonomi.

Berdasarkan kepada pertimbangan-pertirabangan di atas, Kerajaan telah bersetuju supaya Jabatan Perkhidmatan Pos diswastakan dengan

cara-cara diperbadankan sebagai sebuah syarikat Kerajaan terlebih dahulu di bawah Akta Syarikat 1965 sebelum ianya diswastakan sepenuhnya kemudian. Pendekatan seperti ini didapati lebih sesuai memandangkan perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos adalah strategik yang dinikmati dan merangkumi berbagai-bagai peringkat dan golongan rakyat jelata. Di samping itu pendekatan seperti itu juga dapat memberi peluang kepada Perkhidmatan Pos untuk membuat penyesuaian yang sewajarnya sebagai langkah persediaan untuk penswastaaan sepenuhnya kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, setelah Jabatan Perkhidmatan Pos diswastakan kelak, maka pertimbangan bolehlah diberikan sama ada sebahagian daripada ekuiti syarikat disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur ataupun ditawarkan secara langsung kepada institusi-institusi, pemegang amanah atau pelabur-pelabur terpilih.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan penswastaaan Jabatan Perkhidmatan Pos ini, sebuah Akta Syarikat Pengganti perlu digubal bagi membolehkan pemindahan fungsi, aset, tanggungan pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos kepada syarikat pengganti. Pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos akan diberi tiga pilihan iaitu bersara dari Jabatan Perkhidmatan Pos dengan dibayar faedah-faedah persaraan yang mereka layak terima atau terima dengan syarikat mengikut skim yang serupa dengan skim Jabatan Perkhidmatan Pos atau berkhidmat dengan syarikat mengikut skim Perkhidmatan Syarikat.

Pada masa ini Jabatan Perkhidmatan Pos adalah merupakan sebuah Jabatan Kerajaan dan pengendaliannya adalah mengikut peruntukan di

bawah Akta Pejabat Pos 1947 dan apakala ia diperbadankan serta seterusnya diswastakan kemudiannya, maka adalah perlu Kerajaan mengadakan satu bentuk kawalseliaan yang berkesan terhadap industri Perkhidmatan Pos. Dalam hal ini maka adalah perlu bahawa sebuah Akta Perkhidmatan Pos 1991 diwujudkan bagi menggantikan Akta Pejabat Pos 1947.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini memperuntukkan penubuhan sebuah badan kawalselia yang diketuai oleh seorang Ketua Pengarah. Bahagian kedua Rang Undang-undang ini memperuntukkan fungsi-fungsi dan tugas-tugas tertentu kepada Ketua Pengarah Pos di antaranya menjalankan fungsi-fungsi pengawalseliaan, penggalakan persaingan dan menggiatkan perkembangan perkhidmatan serta pertumbuhan industri pos secara yang cekap dan teratur selaras dengan keperluan pengguna, orang ramai dan kepentingan negara. Keistimewaan eksklusif Kerajaan untuk perkhidmatan surat dikekalkan tetapi diletakkan di atas Kerajaan bersesuaian dengan kuasa kepada Menteri yang akan memberi lesen kepada pelesen yang menjalankan perkhidmatan pos.

Beberapa pengecualian untuk kategori surat diperluaskan dan dirangka semula, di antaranya adalah seperti di seksyen 8(1)(D) iaitu had berat surat melebihi 2 kilogram.

Bahagian IV adalah mengenai perkara-perkara berhubung dengan Lesen dan Pemegang Lesen. Melalui peruntukan-peruntukan di dalam Bahagian ini dan bersesuaian dengan konsep penswastaaan, Menteri diberi kuasa untuk memberi, menggantung dan membatalkan lesen.

Bahagian VIII bertujuan mengadakan peruntukan bagi membenarkan pemegang lesen menjalankan perkhidmatan kewangan pos sebagaimana yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos sekarang. Ia termasuklah perkhidmatan kiriman wang pos, pungutan bil dan sebagainya, sesuai dengan tugas badan kawalselia yang juga bertindak sebagai badan penguatkuasa undang-undang, kuasa penyiasatan dan pendakwaan diberikan untuk menentukan undang-undang dipatuhi.

Bahagian X memperuntukkan Ketua Pengarah Pos atau mana—mana pegawai Jabatan Pos yang diberi kuasa khas mengenainya boleh menahan, membuka dan memeriksa apa-apa barang pos sesuai dengan peranan Kerajaan bagi melindungi kepentingan awam.

Lain-lain peruntukan seperti di Bahagian V, VI, dan VII, adalah serupa dengan peruntukan yang sedia ada di dalam Akta Pejabat Pos 1947, yang pada amnya memberi kuasa kepada Menteri membuat kaedah-kaedah berkaitan dengan di antaranya pengeluaran setem pos seperti di seksyen 13, mengecualikan setengah golongan dari caj pos seperti di seksyen 15, kaedah-kaedah mengenai penyaluran melalui pos,

barang-barang pos seperti di seksyen 16 dan pelupusan barang-barang pos takterserah seperti di seksyen 23.

Bahagian IX mengenai kesalahan dan penalti adalah menyerupai peruntukan yang sedia ada di dalam Akta Pejabat Pos 1947, kecuali mengenai kadar denda bagi kesalahan-kesalahan. Lain-lain peruntukan di dalam Akta Pejabat Pos 1947 juga telah diambil kira dalam penggubalan Rang Undang-undang ini seperti mengenai perkhidmatan pendaftaran dan insurans barang-barang pos, bayar waktu terima, kiriman wang dan wang pos.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya lantikan saya di sini menjelaskan beberapa faedah daripada penswastan Jabatan Perkhidmatan Pos seperti berikut:

- (i) faedah kepada Kerajaan iaitu Pengurangan saiz dan jentera pentadbiran Kerajaan.,
- (ii) pendapatan hasil Kerajaan daripada pembayaran pajakan tanah oleh syarikat pengganti, pembayaran cukai-cukai; dan
- (iii) membantu pengembangan korporat dan penggunaan peluang-peluang pertumbuhan ekonomi dengan secara yang lebih baik melalui motivasi sektor swasta.

Faedah-faedah kepada pengguna ialah:-

- (a) perkhidmatan yang lebih cekap dan peka kepada kehendak pengguna serta pengenalan dan pemasaran secara agresif perkhidmatan-perkhidmatan baru.

- (b) jaminan kepentingan pengguna dari segi mutu perkhidmatan melalui peranan kawalseliaan yang rapi oleh Kerajaan; dan
- (c) peningkatan kecekapan dan pengurangan kos melalui mewujudkan suasana pertandingan bebas .

Faedah-faedah kepada kakitangan, Tuan Yang di-Pertua, iaitu kakitangan akan menikmati corak pengurusan pentadbiran dan kemudahan-kemudahan seperti yang dinikmati oleh pekerja-pekerja swasta dan kakitangan akan berpeluang memiliki saham dan ini boleh memperkukuhkan semangat pekerja di dalam syarikat.

. Faedah-faedah kepada Jabatan Perkhidmatan Pos iaitu, pendedahan kepada kuasa pasaran dan peningkatan produktiviti, pencapaian matlamat perkhidmatan produktiviti dan kemajuan yang lebih tinggi, pengurangan kawalan birokrasi dan keupayaan membuat keputusan dengantepat selaras dengan perubahan sekitaran yang berlaku dari semasa ke semasa, kebebasan komersial bagi memberikannya peluang untuk menghadapi dengan lebih yakin suasana persaingan perniagaan yang telah lama dirasai.

Keperluan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan . Jabatan Perkhidmatan Pos seramai lebih daripada 11,000 orang yang akan berpindah kepada syarikat, kecuali mereka yang ditawarkan untuk berkhidmat dengan Kerajaan, bagi menjalankan tugas kawalselia akan tetap terjaga. Kerajaan akan memastikan bahawa terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan syarikat pengganti nanti adalah tidak

kurang baiknya daripada apa yang mereka menikmati sekarang di Jabatan Perkhidmatan Pos.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan yakin penswastaaan perkhidmatan Pos akan membawa banyak kebaikan dan faedah kepada semua pihak iaitu Kerajaan, pengguna, orang awam, pegawai dan kakitangan serta industri perkhidmatan pos secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Dr K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk mengawalselia perkhidmatan pos yang diadakan dibacakan kali .yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas . Silakan Tuan C. Krishnan.

4.46 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk-mengambil bahagian di dalam Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 1991.

Tuan Yang di-Pertua, seperti dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, kita sedia maklum bahawa beberapa agensi Kerajaan yang telahpun diswastakan telah memberi satu perkhidmatan yang cemerlang dan apabila perkhidmatan pos ini diswastakan, orang ramai tidak akan kluatir dengan perkhidmatan-perkhidmatan pos. Oleh sebab itu saya sungguh-sungguh memuji Yang Berhormat Menteri yang telahpun rnebantangkan satu Rang Undang-undang di mana kelemahan-kelemahan daripada Akta yang lama telahpun dapat dibetulkan. Oleh sebab itu apabila diswastakan pegawai-pegawai

berkenaan akan mengambilkira tentang satu perkhidmatan yang cemerlang seperti agensi-agensi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Pejabat Pos adalah satu perkhidmatan yang kita boleh katakan satu kawan atau jiran bagi penduduk luar bandar. Penduduk-penduduk luar bandar bergantung kepada perkhidmatan pos untuk membayar bil atau untuk menghantar wang kepada saudaramaranya.

Cuma saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri mengenai Fasal 6(c) iaitu untuk menggalakkan persaingan di dalam mengadakan perkhidmatan pos. Saya ingin tahu, apabila diswastakan adakah perabian lesen itu kepada satu syarikat, kepada satu badan ataupun lebih daripada satu badan? Kalau lebih daripada satu syarikat, kita mengalu-alukan kerana ini akan menggalakkan satu persaingan dalam mengadakan satu perkhidmatan pos.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Menteri, cuma satu perkara saya ingin dapat penjelasan mengenai telegram-telegram yang dihantar melalui Pejabat Pos yang berada di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, apabila satu-satu telegram dihantar melalui Pejabat Pos, penerima itu kadangkala tidak berapa faham dengan penulisan itu, kerana mungkin telegram ditulis dalam bahasa Inggeris, pegawai yang menerimanya tidak berapa faham dengan telegram itu dan apabila penerima itu salah faham, ini akan menimbulkan beberapa masalah.

Saya berharap apabila Perkhidmatan Pos ini diswastakan, perkara-perkara seperti ini akan dapat dibetulkan.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 1991. Terima kasih..

Tuan Adam bin Kadir: Tuan Munisamy,

4.51 ptg.

Tuan K. Munisamy: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 1991 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat. Mentari Tenaga, Telekom dan Pos. Saya mengalu-alukan Rang Undang-undang tersebut kerana ia memberi banyak faedah kepada rakyat dan negara. Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan perkhidmatan pos.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, pada waktu lepas pejabat dan malam, khususnya di kawasan bandar-bandar besar, perkhidmatan penghantaran surat telah diperkenalkan. Saya mengalu-alukan perkhidmatan ini kerana ianya penting bagi masyarakat untuk menerima maklumat yang mustahak dengan beberapa segera.

Satu perkara lagi ialah pada kebiasaan selepas waktu pejabat, baru terdapat penghuni-penghuni berada di rumah. Pada masa yang sama, di kawasan-kawasan estet surat-surat biasanya diletakkan di suatu tempat setelah dikutip oleh pemilik ladang daripada Pejabat Pos. Kadangkala ada orang-orang lain yang dengan sengaja mengambil surat tersebut. dan ada masanya orang yang sepatutnya menerima surat tidak tahu bahawa ada surat untuk dirinya. Untuk mengelakkan perkara ini, saya mencadangkan agar Jabatan .Pos menghantar terus surat-surat ke estet-estet ini di antara pukul 3 atau 4 petang, iaitu masa pekerja-pekerja estet pulang dari kerja dan serahkan surat-surat ini kepada ketua penduduk di estet itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya ingin sentuh ialah mengenai Perkhidmatan Pos Laju di mana surat dihantar, contohnya dari Ipoh ke Kuala Lumpur, jikalau surat adalah ringan, dengan harga di antara \$4.00 dan \$5.00, dan kalau surat itu lebih berat, harganya adalah tinggi. Bagi rakyat biasa di kampung-kampung dan estet, harga tersebut adalah agak mahal sedikit. Rakyat jelata yang terpaksa hantar maklumat penting kepada anak-anak mereka yang pelajar di universiti atau sekolah-sekolah berasrama penuh berasa harga tersebut adalah mahal. Oleh yang demikian, saya mencadangkan harga tersebut dikaji semula oleh pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga, sepertimana dicadangkan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Jabatan Pos akan diswastakan. Saya berharap dengan penswastakan tersebut, harga Perkhidmatan Pos tidak akan meningkat sepertimana berlaku dalam institusi lain yang telah diswastakan. Memandangkan bahawa masyarakat miskin sangatlah bergantung kepada Perkhidmatan Pos, harga perkhidmatannya perlu dikawal. Bagi golongan kaya dan ahli-ahli perniagaan, mereka boleh dan mampu menggunakan perkhidmatan DHL, sitelling dan perkhidmatan fax.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya berharap Perkhidmatan Pejabat Pos bergerak akan diadakan di kawasan pendalaman seperti kampung-kampung terpencil dan estet-estet. Melalui Pejabat Pos bergerak ini rakyat di kampung terpencil dan estet ini dapat bukan sahaja membuat urusan berkaitan dengan perkhidmatan pos, bahkan boleh membuat urusan lain seperti menyimpan wang dalam ASB dan Bank Simpanan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 1991. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Puan Ainon, sila,
4.55 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian bersama bagi menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 1991 ini yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri, iaitu Menteri dan juga menjadi Presiden kepada MIC yang dedikasi, di mana telah dibentangkan Rang Undang-undang ini yang mengandungi 11 Bahagian dan 50 Fasal-fasalnya dan telah dijelaskan oleh beliau tadi dengan begitu terang dan jelas yang merangkumi apakah keuntungannya pada Kerajaan, apakah pula faedahnya kepada pekerja-pekerja, dan apakah pula faedah yang boleh didapati oleh negara dan oleh rakyat serta orangramai yang sentiasa dekat dan rapat dengan perkhidmatan pos ini.

Cuma saya ingin bertanya dua, tiga soalan sahaja. Penyusunan kepada Rang Undang-undang ini sangatlah teratur, terperinci, jelas, terang dan nyatalah walaupun kita swastakan, tetapi kuasa-kuasa Kerajaan melalui Menteri yang akan melantik beberapa orang yang duduk, yang memegang amanah kepada Syarikat Pengganti masih utuh dan kukuh. Ada juga disebut di sini iaitu mengenai Pasal 7(1) yang membawa maksud kalau berlaku sesuatu tunjuk perasaan atau mogok atau apa-apa penyelewengan dari pihak pekerja, atau penindasan dari pihak swasta, maka Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh campur tangan dengan melalui Menteri Kewangan. Maka ianya merupakan satu jaminan bahawa penswastan kepada Perkhidmatan Pos tidak akan lari daripada rangkuman dan kuasa-kuasa Kerajaan untuk membuat penentuan-penentuan kepada perkara-perkara yang berbentuk dasar.

Soalan pertama yang saya ingin penjelasan kepada Menteri yang berkenaan, ialah mengenai Fasal 8(1), Bahagian III, iaitu Kerajaan hendaklah mempunyai keistimewaan eksklusif bagi (A), (B), (C), (D)

dan lain-lain. Apakah pada ketika itu nanti cop Senator juga boleh diberikan kemudahan, kerana itu banyak gunanya juga kepada Senator terutamanya yang memegang jawatan dalam berbagai-bagai pertubuhan yang official.

Yang keduanya, bolehkah berikan saya pandangan mengapa apabila diswastakan, ianya berjalan begitu baik dan menguntungkan. Umpamanya, katalah mengenai Telekom (TEN), begitu banyak keuntungannya di dalam masa yang begitu singkat. Tadi saya serapat catitkan iaitu bagi tahun 1989, \$366 juta dan bagi tahun 1990 saya tertinggal. Yang saya paling excited, yang paling saya ghairah mendengar ataupun sedikit hairan ialah mengenai keuntungan bagi tahun 1991 \$500 juta dari Januari hingga Jun. Bagaimanakah rahsianya penswastan ini boleh jadi begitu baik, teratur, maju., tanpa menimbulkan banyak masalah kepada kumpulan kerja. Tidak tahu kalaulah sembunyi, tidak mendengar, tidak mengikuti, sebab maklumlah bila di bawah swasta, "payung DiRaja" sudah tiada lagi dan mereka terpaksa berjaga-jaga dan mungkin god father tidak ada lagi. Apakah ini satu sikap kepada rakyat jelata di Malaysia ini yang sanggup berdedikasi, bekerja keras, beretika, berkebudayaan dan lain-lain dengan menggunakan cara cota. Cota maksudnya cara-cara keras, paksaan atau disiplin yang ianya tidak boleh merayu atau mengadu kemana-mana pihak.

Jikalauhlah begini keadaannya, kemungkinan satu ketika nanti Kerajaan sudah tidak payah membuat apa-apa lagi. Kita swastakan semua, kemudian Kerajaan hanya perlu membuat pilihanraya, memenangi pilihanraya, mendapatkan undi rakyat jelata, selepas itu hanya membuat rancangan-rancangan dan kemudian duduk ketek-ketek kaki. Kata orang Kelantan "Hok ketek-ketek kaki, tok buat satu apo", kerana semuanya kita telah swastakan dan ianya mendapat kejayaan. Kita hanya sebagai pengawas dan penyelia sahaja dan rakyat kita nampaknya kalau mengenai syarikat telekom, berpuas-hati, tidak ada rungutan-rungutan sehingga ini. Tidak tahulah di masa yang akan datang. Orang ramai pun mula-mula merungut seperti kata Yang Berhormat Dato' Menteri tadi, selepas itu nampaknya menerima kenyataan itu, walaupun kadang-kadang perit juga kita melihat tunggakan bil-bil. Tunggakan, tunggakan, sudah bayar tunggakan juga lagi dan berbagai-bagai. Tetapi mungkin kerana bila memikirkan swasta dan tidak ada tempat mengadu hal, bolehlah, bayarlah, mengikut sahajalah. Tidak kuasa hendak buat apa.

Tetapi, rakyat miskin, seperti kata dua orang sahabat saya tadi, perlulah juga dilindungi. Jadi sesudah saya meneliti Rang Undang-undang ini nampaknya ada hak-hak dan ada kuasa-kuasa daripada Kerajaan melalui Menteri Kewangan, Ketua Pengarah yang boleh mengawas, menyelia dan membetulkan penganiayaan, penindasan, penyingkiran ataupun usaha-usaha mengambil untung berlebihan daripada khidmat yang dilakukan. Itu soalan yang kedua.

Soalan yang ketiga, saya rasa soalan hairan ini Dato' Menteri pun mungkin tidak dapat menjawab dengan tepat. Hairan bin ajaib, mengapa bila diswastakan untungnya berganda-ganda tetapi bila Kerajaan buat dia jadi malap dan lembab. Bukan semua Kementerian dan bukan semua Jabatan begitu.

Kemudian saya ingin menyentuh mengenai pemberian ekuiti-ekuiti syarikat ini apabila ianya dipamerkan di Bursa Saham - syarikat-syarikat tertentu, katanya. Saya ingin bertanya apa kriteria untuk syarikat yang dikatakan tertentu itu, Tuan Yang di-Pertua, dengan rasa gembira dan sukacita dan dengan harapan bahawa apabila perkhidmatan pos ini nanti diswastakan, ianya akan bertambah maju jaya, tidak akan menjejaskan hak-hak rakyat jelata dan akan sampai segala perkhidmatannya dan dapat diperbaiki lagi daripada estet-estet, di pendalaman-pendalaman, di huluan-huluan dan di hiliran-hiliran hinggalah sampai ke bandar-bandar. Tidak dinarikan sekarang ini di Kuala Lumpur pun surat kadang-kadang 5 hari baru sampai. Surat untuk saya pun pernah 4 hari baru sampai. Ini di dalam Kuala Lumpur yang lebih kurang hanya 52 kilometer daripada Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan-harapan dan dengan ucapan tahniah, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 1991 ini.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Puan Hajah Salbiah.

5.04 ptg.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun ingin menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 1991. Apa yang kita dapat ketahui di dalam buku

yang setebal ini iaitu ada 10 bahagian dan ada 50 fasal-fasal yang begitu lengkap untuk menjalankan ataupun membuat penswastaaan di masa yang akan datang.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan tugas-tugas Pejabat Pos **ini**. Apa yang saya lihat dengan nyata ialah kalau Posmen, dia bekerja dengan mendapat dua ganjaran. Satu, dia bekerja makan gaji, satu lagi kerana amanah dia menyampaikan surat-surat. Itu juga satu khidmat yang baik. Kalau dalam Islam iaitu satu amanah yang mendapat ganjaran.

Di dalam ini tadi ada menyebutkan pilihan kepada pegawai-pegawai itu. Kalau dia tidak mahu masuk sewaktu diswastakan, ia boleh bersara dan kalau dia masuk terus pun sama juga perkhidmatan dia dengan yang sebelum diswastakan. Ini sangat baik. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, adakah di masa penswastaaan Telekom dahulu pegawai-pegawainya berhenti daripada bekerja apabila hendak diswastakan dan sesudah dia melihat kejayaan penswastaaan itu, adakah pegawai itu memohon semula untuk bekerja. Kerana seperti kata rakan saya tadi, Yang Berhormat Puan Ainon, memang mendapat keuntungan yang banyak dan kita pun rasa suka bahawasanya dia bekerja itu bukan sahaja dia mendapat gaji, tetapi dia ada saham di sana juga. Jadi, saham pun dia ada, gaji pun dia dapat. Ini sangat baik apabila diswastakan.

Ada lagi satu yang saya ingin tahu, mengenai kesihatan, adakah panel doktornya? Ini adalah sangat patut supaya keluarganya ada doktor yang khas untuk perkhidmatan pos. Bagaimanapun, kita berharap keadaan perkhidmatan pos yang ada sekarang ini akan bertambah baik lagi apabila dia diswastakan.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adalah kaki-tangan Posmen ini juga ada insurans? Sebab dia bekerja masuk di serata kampung. Tidak payah kampung, di bandar pun kalau di taman-taman perumahan banyak yang membela anjing yang ganas-ganas. Ini juga biasa kita lihat Posmen-posmen ini kena. Kalau dia ada insurans, ini pun lebih baiklah dan begitu juga kalau dia naik motor, ini semua perkara-perkara yang merbahaya kepada dia. Yang naik basikal pun susah juga. Macam dalam bandar, dia tidak boleh naik motor, dia kena jalan kaki. Ini juga sesuatu yang patut diperhatikan supaya bila diswastakan nanti mereka mendapat lebih imbuhan dan juga memberikan perkhidmatan yang baik dan juga mendapat pandangan daripada pegawai-pegawai tertinggi.

Dengan keadaan yang semacam ini, saya rasa perkhidmatan pos ini akan lebih berjaya lagi daripada Telekom dan saya rasa rugi kerana kita tidak mendapat kemudahan yang sebegitu. Orang yang bekerja di Telekom dapat mengeluarkan saham untuk dia beli sendiri dan saham itu pula sekarang ini sadah melambung tinggi harganya. Jadi, orang yang bekerja Telekom banyak harta. Begitu juga saya harapkan, di Pejabat Pos ini pun dibuat macam itu supaya rakyat kita dalam negara ini di mana-mana dia bekerja, dia ada keuntungan yang lebih.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Ada harta.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Ada harta, tetapi janganlah dia tidak mengerti.

Sebab apa kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, bila saham melambung tinggi sahaja, dia jual, habis harta. Jadi, itu tidak ertilah, Di waktu-waktu yang pembahagian itu satu taklimat patut diberikan supaya mereka ini tnenjaga harta mereka.

Jadi, itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 1991.

Tuan Adam bin Kadir: Kalau tidak ada lagi, saya dengan hormatnya menjemput Menteri untuk menjawab. Dipersilakan.

5.11 ptg.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada keempat-empat Ahli Yang Berhormat iaitu Senator C. Krishnan, Senator Munisamy a/1 Kuppam, Senator Ainon binti Ariffin dan juga Senator Hajah Salbiah binti Mohd. Akim atas pandangan-pandangan, teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah diberikan oleh mereka untuk memperbaiki keadaan perkhidmatan pos apabila diswastakan masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator C. Krishnan telah menyoal berkenaan dengan mengapakah kelemahan sedang berlaku di dalam Jabatan Perkhidmatan Pos. Suka saya menerangkan sedikit kepada Yang Berhormat 'bahawa' Jabatan Perkhidmatan Pos dengan kakitangan iaitu 11,000 sahaja tidak dapat ditambah dengan kakitangan lebih kurang 10 tahun. Dalam 10 tahun ini bilangan penduduk-pehduduk di tanahair kita sudah bertambah lebih 8 juta lagi tetapi posmen tidak ditambah. Perkhidmatan ditambah dan juga permintaan daripada rakyat boleh dikatakan dalam bahasa Inggeris, dengan izin, demand from the public, jadi lebih tetapi Jabatan Perkhidmatan Pos tidak dapat ditambah dengan lebih pegawai-pegawai.

Walaupun Jabatan Perkhidmatan Pos memohon untuk mendapat sekurang-kurangnya 800 orang kakitangan iaitu posmen sahaja. Pada akhirnya, insya Allah, dalam tahun ini sahaja.....

Tuan Adam bin Kadir; Itu bagus.

Dato' Seri S. Samy Vellu:tahun 1991 kita dapat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengisi 320 orang posmen. Jadit, urusan-urusan pengambilan pegawai-pegawai sedang dalam proses dan juga kita terima satu lagi kelulusan untuk mengambil kerani-kerani pos. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat sedar Jabatan Perkhidmatan Pos kena berkhidmat kepada rakyat dengan sebilangan yang besar dibandingkan dengan bilangan pegawai-pegawai dan kakitangan yang kurang. Oleh itulah Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi beberapa masalah.

Jadi, satu lagi soalan daripada Yang Berhormat Senator C. Krishnan berkenaan dengan lesen diberi kepada Jabatan Perkhidmatan Pos iaitu syarikat pengganti akan menerima lesen daripada Kerajaan tetapi syarikat-syarikat yang sedia ada sekarang seperti Skypak, DHL dan juga semua syarikat-syarikat yang sudah dan sedang berusaha kepada rakyat jelata diteruskan dengan lesen bukan tanpa lesen. Sebelum Akta ini diperkenalkan mereka menjalankan kegiatan mereka tanpa apa-apa lesen, tidak boleh bertanggungjawab. Tetapi di masa akan datang mereka mesti mendapat lesen daripada Menteri. Tetapi Menteri mesti beri lesen kepada mereka. Kita tidak mahu perkara ini menjadi satu monopoli kepada syarikat Kerajaan sahaja. Jadi, itu saya berjanji kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang ketiga iaitu berkenaan telegram luar bandar. Ahli Yang Berhormat sedar pejabat-pejabat pos akan menghentikan kerja mereka sekurang-kurangnya selepas pukul 4.30 atau 5.00 petang. Ramai di

antara posmen kena balik juga ke rumah. Ada isteri ada anak, dia tidak boleh kerja selepas pukul 5.00. Bila kita dapat telegram-telegram daripada luar ke pejabat-pejabat pos hantar ke rumah-rumah, tidak ada orang untuk menerima telegram. Kadangkala-ada juga mesej-mesej seperti orang meninggal dunia dan lain-lain tidak boleh disampaikan kepada mereka. Ini bukan kesalahan pejabat pos sahaja. Tetapi saya bukan kata pejabat pos tidak ada salah, pejabat pos juga ada salah. Tetapi lebih daripada orang yang akan menerima telegram itu tidak ada di rumah. Jadi, inilah masalah-masalah yang kita punyai sekarang.

Saya percaya Yang Berhormat Senator C. Krishnan akan dapat maklumat daripada ini. Berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Munisamy berkenaan dengan perkhidmatan pos iaitu penghantaran mel petang-petang, itu sedang dijalankan. Saya percaya jikalau kita dapat menjayakan perkhidmatan ini., kita akan teruskan perkara ini. .

Berkenaan dengan penghantaran surat ke ladang-ladang, untuk makluman Ahli Yang Berhormat di kawasan saya sendiri juga ada orang minta mengapa tidak mahu hantar surat ke tiap-tiap rumah. Banyak di antara penduduk-penduduk dalam ladang suka juga tengok muka posmen walaupun dia tidak dapat surat, Ramai orang mengadu berkenaan dengan surat, aduan-aduan banyak. Saya tanya berapa surat diterima tiap-tiap bulan. Dia kata kadang-kadang tiga bulan satu kali orang dapat surat. Mengapa saya hantar posmen pergi ke ladang walau ladang itu ada lebih kurang dua batu sahaja daripada post office? Oleh kerana itu kita ada satu perjanjian di antara tuan punya ladang iaitu kita akan hantar surat kepada pejabat dan sesiapa surat-surat beralamat kepada mereka sebagai pekerja-pekerja di ladang akan dapat

surat daripada pejabat. Sistem ini tidak boleh dapat dipinda atau ditukarkan sekarang.

Saya percaya ini boleh dipinda dalam satu masa akan datang apabila semua ladang-ladang pindah daripada tempat yang mereka ada sekarang dan akan membina rumah dekat bandar-bandar yang mana pekerja-pekerja boleh duduk di bandar, pergi kerja ke ladang-ladang seperti ada yang dijalankan di banyak tempat seperti kawasan-kawasan kampung baru di mana banyak pekerja, dia duduk dalam kampung baru tetapi kerja di ladang-ladang, mereka menerima surat.

Saya percaya ini boleh juga memberi satu nafas baru kepada penduduk-penduduk di ladang, Janganlah ingat duduk di ladang sahaja 100 tahun akan datang. Tetapi mereka boleh kerja di ladang tetapi mereka mesti berminat untuk membeli sebuah rumah di mana mereka boleh mendapat lebih kemudahan. Kemudahan ini tidak boleh disampaikan 30 atau 40 batu dipendalaman. Ada juga satu ladang di negeri Selangor, post office di Batang Berjuntai tetapi Ladang Nigel Gardier Naga Ghana 36 batu di pendalaman. Macam manakah seorang posmen akan menghantar satu surat kepada seorang yang tinggal 36 batu di pendalaman. Inilah masalah-masalah penghantaran surat kepada ladang-ladang. Walau bagaimanapun, saya percaya ini boleh diperbaiki apabila kita menswastakan Jabatan Perkhidmatan Pos **ini**.

Satu lagi berkenaan dengan bayaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bayaran di tanahair ini adalah yang paling kurang. Jabatan Perkhidmatan Pos di Amerika Syarikat meminta tambah bayaran sekarang iaitu lebih daripada 45% hingga 225% kepada mel-mel luar negeri. International Postal Union iaitu satu persatuan yang mengandungi semua negara-negara untuk menjalankan pos di seluruh dunia meminta tiap-tiap negara menambah kos iaitu dari 45% ke 225%.

Di dalam tanah air kita, kita belum mengambil keputusan. Saya percaya tidak lama lagi, saya akan memutuskan. Saya minta maaf, oleh kerana dalam 8 tahun ini tidak ada tambahan kos dalam bayaran setem. 8 tahun daripada tahun 1982, Tuan Yang di-Pertua. Gaji sudah naik [Ketawa] kalau kita tidak jaga, tiga-tiap hari dia naik juga.

Tuan Adam bin Kadir: Banyak sudah naik.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Banyak sudah naik. Macam mana kita dapat punca untuk membayar kepada posmen? Macam mana kita akan memperbaiki keadaan Perkhidmatan Pos? Jadi, inilah satu penjelasan daripada saya.

Suka saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Aion binti Ariffin berkenaan dengan penyusunan Rang Undang-undang dan juga Yang Berhormat telah menyoal berkenaan dengan Exclusivity iaitu Exclusive kepada Kerajaan. Exclusive bererti Kerajaan iaitu Syarikat Pengganti akan menjadi satu syarikat exclusive dan selepas itu mereka mesti memohon untuk mendapat lesen. Syarikat ini pun mohon juga. Jikalau tidak mohon, Menteri tidak bagi lesen. Mereka pun mohon, mereka kena bayar untuk lesen. Bayaran itu boleh dikatakan daripada apakah keuntungan yang mereka menerima peratusan dikenakan. Kalau mereka dapat \$20 juta keuntungan tiap-tiap tahun, kadangkala saya minta 5% daripada \$20 juta itu dikenakan sebagai bayaran lesen. Jikalau tidak, macam mana kita akan menjalankan kegiatan kawalseliaan ramai pegawai-pegawai dan juga Ketua Pengarah dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kecekapan pekerja-pekerja di Perkhidmatan Pos sekarang dan apakah sikap mereka di masa akan datang apabila mereka masuk dalam perkhidmatan penswastaan. Yang pertama, sebagai pekerja-pekerja atau kakitangan Kerajaan sekarang,

kita tidak boleh mengambil apa-apa tatatertib di atas sesiapa pun dengan serta merta. Ada juga red-tape dari sini sampai Seremban. **[Ketawa]** Sebelum kita ambil tindakan ke atas beliau, dia sudah buat kesalahan itu 50 kali lagi. Ini tidak boleh berlaku dalam syarikat-syarikat. Hari ini dia salah, esok dia habis. Satu ini pun sudah terkejutkan dia sedikit.

Yang kedua, gaji dibayar lebih sedikit. Yang ketiga, untuk perkhidmatan yang cekap, mereka dapat bonus seperti apa yang dibayar dalam Jabatan Telekom sekarang. Dahulu 1 bulan, mereka lawan, gaduh dan tuduh-menuduh. Saya minta Telekom Malaysia untuk menaikkan satu bulan bonus. Jadi sekarang, mereka menerima dua bulan bonus. Bila bagi 2 bulan, dia mereka minta 3 bulan. **[Ketawa]**

Saya percaya inilah kebudayaan baru yang mana tiap-tiap manusia mendapat strategi dalam fikiran mereka - "jikalau saya kerja kuat, saya dapat lebih pendapatan". Oleh kerana itulah di dalam secara penswastaaan mereka kerja lebih kuat. Mereka dapat lebih faedah dan ini memberi semangat kepada mereka. Semangat bererti bukan Semangat 46 **[Ketawa]** ia semangat baru dalam hati mereka.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat itulah perkaranya. Ada juga pegawai-pegawai suka bekerja dalam Perkhidmatan Kerajaan. Ini dalam tahun 1920an dan 1930an. Ada juga satu perkataan bagi penduduk-penduduk di ladang. Tanya dia, mana mahu kerja, kalau jaga ayam pun, kerja itu mesti dibuat dalam Kerajaan. Jaga ayam tahu? Dia tahu jaga ayam bukan satu kerja tetapi itu maknanya malastah. Duduk dalam Kerajaan, jaga ayam apa susah. Ayam itu dia jagakah atau tidak jagakah, dia dapat gaji. Bila dia bersara, dia dapat pencen. Dia jaga ayam pun, dia tidak buat betul-betul, lagi minta anak dia diberi kerja, cucu pun diberi kerja.

Jadi, Kerajaan sudah bersimpati kepada mereka. Kerajaan bertanggungjawab kepada mereka. Sekarang sudah habis. Culture itu, kebudayaan itu sudah habis. Ini cabaran baru iaitu siapa yang mempunyai kebolehan, dia akan dapat lebih keuntungan. Siapa yang tidak membaharui sikap mereka, tidak ada tempat dalam dunia ini lagi. **[Ketawa]** Sudah habislah. Itulah Yang Berhormat, saya jelaskan tadi.

Satu lagi soalan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah iaitu adakah pegawai-pegawai itu berhenti apabila kita menswastakan Telekom. Ada juga. Di Telekom tidak ramai, tetapi daripada pen-swastaan LLN pada masa lebih kurang satu tahun yang lalu iaitu lebih daripada 180 pegawai-pegawai bersara. Mereka menerima semua faedah-faedah ditetapkan oleh LLN. Mereka sudah masuk dalam swasta sekarang tetapi saya percaya, ada juga sedikit pegawai-pegawai, bilangannya tidak besar akan keluar daripada Jabatan Perkhidmatan Pos.

Saya percaya itu boleh jadi satu keuntungan kepada mereka kadangkala.

Berkenaan dengan pemberian medical benefits kepada pegawai-pegawai itu serupa juga apa yang mereka punyai sekarang, akan diberi oleh syarikat dan berkenaan dengan insurans, Yang Berhormat inilah satu perkara saya timbulkan kepada Jabatan Perkhidmatan Pos selepas saya telah dilantik sebagai Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dan ini ada dalam pertimbangan sekarang tetapi apa yang saya boleh jelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, posmen-posmen walaupun mereka lelaki atau wanita, uniform mereka sekarang sudah ditukar. Kita sudah buat rekabentuk baru. Saya sendiri buat rekabentuk. **[Ketawa]** Saya minta dia pakai, minta dia jalan, Saya tengok cantik atau tidak, kemudian baru Menteri meluluskan. Tidak lama lagi, semua posmen-posmen nampak seperti.....

Tuan Adam bin Kadir: Peramugari.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ya, dalam MAS macam itu tetapi warna yang sama dan tidak berbunga. Jadi, kita akan menunjukkan satu minat baru kepada mereka bila mereka pakai pakaian seragam itu. Dia sudah tahu bahawa dia orang baru sekarang. Ini ada satu perkataan di Amerika Syarikat. Dia kata, "Apa yang kita punyai dalam fikiran kita dan kebolehan kita 50% sahaja tetapi 50% pakaian. **[Ketawa]** Fasal itu orang DAP marah saya **[Ketawa]** oleh kerana mereka tidak tahu pakai, mereka marah saya. **[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah pandangan dan jawapan daripada saya. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 50

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, sebab tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan ada posmen wanita, Adakah posmen wanita?

Tuan Adam bin Kadir: Saya dengar pun ada bunyi juga.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Post Woman.

Tuan Adam bin Kadir: Post Woman **[Ketawa]** - Wanita Pos.

Fasal 1 hingga 50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

[Puan Ainon binti Ariffin **mempengerusikan Mesyuarat**]

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN POS (SYARIKAT PENGGANTI)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.32 ptg.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Puan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai perletakkan harta, hak dan liabiliti Jabatan Perkhidmatan Pos Malaysia kepada sebuah syarikat, peruntukan mengenai perkara-perkara berhubung dengan kakitangan, dan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Puan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menetapkan supaya Jabatan Perkhidmatan Pos diperbadankan untuk diswastakan kelak bagi mencapai faedah-faedah berikut:

- pencapaian matlamat perkhidmatan produktiviti dan kemajuan yang lebih tinggi bagi Jabatan Perkhidmatan Pos;
- kebebasan komersial bagi menjadikan Jabatan Perkhidmatan Pos lebih berdaya saing dan keberkesanan dalam memberikan perkhidmatan pos;
- menghasilkan faedah ekonomi dan kewangan kepada Kerajaan secara langsung dan tidak langsung melalui pengurangan beban pentadbiran dan kewangan;
- pengurangan saiz perkhidmatan pos;
- pendapatan dari pajakan tanah dan cukai-cukai.

Bagi membolehkan Jabatan Perkhidmatan Pos diperbadankan, Kerajaan telah bersetuju supaya sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan pada peringkat permulaan ditubuhkan.

Puan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Syarikat Pengganti) 1991 adalah merupakan satu Akta yang bertujuan menyediakan peruntukan bagi perletakan harta, hak dan liabiliti yang berkaitan dengan perkhidmatan pos.

Di bawah Fasal 3(D), Menteri yang berkuasa iaitu Menteri Tenaga, Telekom dan Pos boleh dari masa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan di dalam Warta, menetapkan suatu tarikh perletakan, dengan izin, vesting date dan pada tarikh itu segala harta, hak dan liabiliti Kerajaan Malaysia berhubung dengan perkhidmatan pos yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah itu dipindahkan, kecuali yang perlu dikekalkan bagi maksud kawalselia kepada syarikat pengganti

tanpa apa-apa jua pun pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan, dengan izin, without any corveyance assignment or trasfer whatever. Syarikat pengganti akan diberikan lesen untuk berfungsi dan beroperasi, memberikan perkhidmatan pos seperti yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos sekarang.

- Di bawah Fasal 4, Rang Undang-undang ini memperuntukkan supaya sekuriti-sekuriti syarikat pengganti diterbitkan atau diuntukkan kepada Menteri Kewangan yang diperbadankan melalui Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 dan bagi apa-apa pelapussannya.

Di bawah Fasal 5, Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Menteri Kewangan, selepas berunding dengan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, untuk memperolehi sekuriti-sekuriti syarikat pengganti atau subsidiarinya atau hak untuk memohon beli sekuriti-sekuriti itu dan melupuskannya.

Fasal 6 Rang Undang-undang ini memberikan kuasa kepada Menteri Kewangan, selepas berunding dengan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, untuk melantik penama-penama untuk menjalankan fungsi-fungsinya.

Fasal 7 mengadakan peruntukan bagi struktur kewangan syarikat pengganti.

Fasal 8, memperuntukkan bahawa setiap orang yang diberikan pilihan oleh Kerajaan dan memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat pengganti hendaklah diambil bekerja oleh syarikat itu atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Pos sekarang.

Puan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato Dr K.S. Nijhar]: Puan Yang di-Pertua, saya mohon

menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Syarikat Pengganti).

Puan Ainon binti Ariffin: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perletakhakan, harta, hak-hak dan liabiliti-liabiliti Kerajaan Malaysia berhubungan dengan perkhidmatan pos kepada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan-perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Silakan Yang Berhormat.

5.39 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Puan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan dan seterusnya menyokong secara ringkas di atas Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Syarikat Pengganti) 1991.

Sebenarnya, Puan Yang di-Pertua, tidak banyak yang hendak saya sebut, kecuali hal-hal yang saya agak adalah penting. Yang pertamanya mengenai perkhidmatan, iaitu saya berharap selepas Jabatan Pos ini diswastakan, perkhidmatannya ditingkatkan lagi iaitu dengan cara menggunakan komputer.

Kita dapati bahawa post office memberi berjenis-jenis perkhidmatan selain daripada menjual setem, pendaftaran surat, parcel termasuk juga mengutip wang bagi pihak LLN, bagi pihak Jabatan Bekalan Air termasuk telefon. Tetapi ini saya rasa ada juga membawa sedikit sebanyak masalah daripada segi penyelarasan.

Kadangkala ini sudah biasa terjadi, seseorang yang membayar bil api di post office, elektriknya itu dipotong kerana masalah penyelarasan iaitu wang yang dibayar di post office itu tidak sampai ke LLN dalam masa yang ditentukan, sebagai contoh. Jadi, sekiranya perkhidmatan ini ditingkatkan dengan menggunakan on-line komputer, contohnya, untuk LLN kita menggunakan satu komputer, bila wang itu dibayar di post office, terus dia register dengan komputer yang ada di LLN. Begitu juga untuk air dan juga untuk telefon supaya tidak terganggu dengan masalah kadang-kadang kemungkinan kena membayar dua kali. Oleh sebab kita tidak ada bukti hendak tunjuk yang kita sudah bayar, jadi mungkin kena bayar dua kali, ataupun mungkin line telefon kita pun kena potong juga macam saya sebutkan tadi. Jadi, inilah satu cadangan.

Yang kedua, Puan Yang di-Pertua, mengenai setem. Saya biasa mendengar iaitu setem-setem ini biasa juga diforged, macam dorged duit, American money, setem pun dibuat juga yang nilai-nilainya tinggi \$10, \$20, \$30. Setem ini kecil, senang sangat dibuat. Jadi, saya ingin tahu sama ada setem ini termasuk dalam golongan security instrument atau tidak, ataupun ia dicetak oleh security printers sebagaimana kita cetak duit. Sekiranya ini tidak dibuat ataupun belum dibuat lagi, kemungkinan saya ingat private sector ini sudah banyak buat duit.

Jadi, ini satu cadangan sama ada dicetak oleh Kerajaan sendiri ataupun sebagaimana kita cetak duit kita, saya tidak tahu mungkin di Londonkah, di Paris dan sebagainya supaya hasil yang sepatutnya kita dapat itu terjamin dan tidak kehilangan begitu sahaja.

Puan Yang di-Pertua, satu bidang lagi mengenai service juga yang sepatutnya saya sebut pada awal-awal lagi iaitu berkenaan dengan stamping - menjual setem. Kita dapati setiap hari dari pagi sampai ke petang sebelum post office ditutup, ada sahaja queue. Ada kadangkala itu ia overlap orang yang hendak membeli setem dengan orang yang hendak bayar bil hendak menghantar duit melalui postal order dan sebagainya. Saya rasa banyak tempat yang kita boleh menolong untuk meningkatkan perkhidmatan iaitu di mana tidak memerlukan menjual setem, kita boleh menggunakan franking machine sahaja pada ketika itu juga. Kadangkala kita hendak menghantar surat ke luar negeri terpaksa kita tunjukkan surat itu kepada pegawai di belakang kaunter itu. Dia tengok, dia timbang mungkin mengambil masa dua tiga minit, tetapi kalau sekiranya kita beri surat, \$1.20 sampai ke Amerika, dia terus 'frank', kita bayar duit terus dengan tidak menggunakan setem. Itu adalah sebagai cadangan untuk hendak mencepatkan perkhidmatan supaya orang pun lebih berpuas hati dan mereka pun sanggup membayar lebih oleh kerana tidak kena queue lama-lama.

Saya pun baru sehari dua yang lalu di Jalan Tuanku Abdul Rahman dekat UWN0 lama, setengah jam saya berdiri. Setengah jam berdiri ikut queue hendak membeli setem. Sesudah dia timbang, kita ambil setem, jilat sedikit, tempek dan pergi pos di tempat lain. Tetapi sekarang dibuat di tempat itu juga ia ada kotak khas. Selepas

franking, terus jalan, franking terus jalan, ada sistem sedikitlah - some queuing system or batching system.

Puan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ini orang kampung, Puan Yang di-Pertua, senator kampung.

Puan Ainon binti Ariffin: Saya pun dari kampung.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Selalu menghadapi masalah bila hendak pos surat oleh sebab di sepanjang jalan itu saya dari Perlis, orang Perlis daripada Simpang Empat sampai ke Kangar tidak ada letter box hendak pos surat peti pos.

Puan Ainon binti Ariffin: Maksudnya peti surat?

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Peti surat. Jadi kalau hendak pos surat daripada tempat saya itu terpaksa lima enam batu, sama ada pergi ke Kangar ataupun Simpang Empat. Peti surat ini tidak susah, bubuh di tepi-tepi jalan sahaja. Kita kena simpan setem banyak-banyak, kena pos di mana ada peti surat sepanjang jalan. Simpang Empat sampai ke Kangar tidak ada peti surat di sepanjang jalan. Jadi, ini satu masalah. Ini sebagai contoh yang saya beri, di tempat lain yang lebih remote masalahnya lebih besar lagilah. Jadi inilah saya rasa orang kampung ini patutlah sedikit sebanyak dapat faedah daripada penswastan supaya tidak menyulitkan mereka. Jika tidak, hendak kena bayar tambang teksi tambang bas, hendak pergi jauh untuk pergi pos surat yang setemnya hanya 20 sen.

Yang penghabisan sekali, ini merupakan satu cadangan juga, post office ada mengeluarkan postal order, money order dan sebagainya, tetapi untuk perkhidmatan luar negeri, ini mungkin menyulitkan sedikit. Jadi, ini satu cadangan kalau tidak jadi keberatan, saya ingat ini praktikal sungguhpun lambat sedikit mengambil masa untuk hendak implement. Apa salahnya kalau kita mengadakan corak kupon macam travellers cheque untuk diisu oleh post office.

Ini satu jalan untuk hendak menambahkan pendapatan kepada post office. Jadi, apa jua cara sahajalah untuk hendak mendapat lebih pendapatan supaya dapat kita implement. Setakat sekarang ini bank sahaja yang diisu, jadi oleh sebab post office ini pun sudah seolah-olah menjadi satu financial system untuk penghantaran wang, jadi saya rasa itu pun tidak menjadi masalah.

Puan Yang di-Pertua, nampaknya setakat itulah yang saya ingin tempoh mengenai Rang Undang-undang ini dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang dan seterusnya saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Puan Ainon binti Ariffin: Ada Ahli-ahli Yang Berhormat lain hendak bercakap? Silakan Yang Berhormat.

5.48 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Puan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja perkara yang saya hendak tahu. Setiap jabatan yang telah diswastakan iaitu Telekom, TEN dan juga Pos ini nanti, apabila dia membuat ragam hendak melayani orang ramai, apakah tindakan yang boleh kita ambil dan apakah kuasa yang ada di tangan Menteri dan juga Jabatan-jabatan Pos ini yang boleh dikenakan tindakan kepada swasta yang mengambilalih.

Kemudian, apa pertolongan yang kita hendak buat misalnya dalam Telekom, dahulu apabila kita menelefon, kalau tempat itu linenya engage, kita boleh pusing dua tiga kali. Begitu juga kalau kita menelefon operator dua tiga kali dapat-bercakap dengan operator, sekarang ini dia ada satu ragam. Dia kata apa pangkat yang menjaga, dia kata sedang sibuk. Jadi sedang sibuk memanjang, apa yang kita boleh buat? Jadi apakah kuasa kita apabila semua perkhidmatan pos ini sudah diswastakan, kalau dia buat ragamlah, bagaimana kita hendak tegur. Posmen tak masuk hari itu, sepatutnya hari Isnin dia biasa masuk, tetapi hari Isnin dia tak masuk pula.

Selepas **itu**, bila kita pergi ke Post Office, dia tidak hendak layan kita, duduk di belakang sana, dia kata, Selepas **itu**. dia bangun duduk macam orang Arab pula. Macam di Mekah sana jikalau orang tak layan, terkangkang sahaja, dia kata esok datang, sembahyang dahulu, Apakah suatu kuasa yang ada lagi di tangan Menteri yang boleh mengubati ataupun memperbaiki perkhidmatan apabila diswastakan. Itu sahaja soalan saya,

Puan Ainon binti Ariffin: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada lagi yang hendak bercakap, saya menjemput Dato' Menteri menjawab pertanyaan dan juga perbincangan tadi.

5.51 ptg.

Dato' S. Samy Vellu: Puan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Syarikat Pengganti ini iaitu Yang Berhormat Senator Dahalan Haji Embun dan juga Yang Berhormat Senator Haji Ahmad Abdullah,

Yang Berhormat Senator Dahalan Haji Embun telah membangkitkan berkenaan dengan penggunaan komputer dan juga mengadakan system on-line kepada semua perkhidmatan-perkhidmatan sedang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Pos telah mengadakan satu perjanjian di antara PNB dan komputer-komputer telah dipasang dalam lebih dari 240 Pejabat Pos. Melalui Pejabat Pos ini, kita akan menjalankan satu tugas sahaja sekarang ini iaitu tugas untuk memperniaga berkenaan dengan ASB dan ASN,

Dengan perjanjian di antara Pejabat Pos dan PNB itu masa akan datang, komputer itu boleh digunakan untuk kegunaan yang lain seperti pembayaran bil, menghantar wang, menghantar message dan juga penghantaran data-data daripada satu Post Office kepada satu Pos Office yang lain dan juga kita sedang membincang berkenaan dengan Fasa II. Kita belanja lebih kurang \$44 juta dan Fasal II saya percaya menelan belanja lebih kurang \$25 juta lagi. Dengan itu lebih dari 400 Pejabat Pos di seluruh tanahair kita akan dihubungi dengan komputer. Selepas itu Pejabat Pos akan menguruskan bukan sahaja ASN dan juga ASB tetapi juga bayaran bil LLN bayaran hasil kepada Majlis-majlis Tempatan dan ada juga cadangan untuk menerima bayaran lesen kenderaan.

Inilah satu perkara yang telah dibincang dalam mesyuarat Jemaah Menteri hari ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mencadangkan iaitu komputarisasi di Post Office mesti digunakan dengan sepenuh-penuhnya untuk semua perkara seperti apa yang saya katakan tadi. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang lebih pengalaman, dengan izin, in the information world of the future. Saya ucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat.

Yang kedua, Yang Berhormat telah mencadangkan iaitu sungguhpun kita boleh gunakan setem tetapi kita boleh gunakan franking machine. Sekarang kita guna franking mechine untuk syarikat-syarikat sahaja. Pada masa dahulu ada juga satu cadangan apabila orang awam suka menghantar surat, mereka kata terima duit terus, dengan itu kita gunakan franking machine dan masuk dalam bungkusan. Ini ada di dalam timbangan sekarang. Tetapi di

Pejabat-pejabat Pos Besar kita ada juga stem vending machine. Di Kuala Lumpur ini diadakan juga tetapi kita belum kenalkan di pejabat-pejabat yang lain. Saya percaya apabila kita menswastakan Jabatan Perkhidmatan Pos, ini semua boleh jadi satu perkara baru untuk memberi perkhidmatan yang lebih cekap kepada rakyat.

Berkenaan dengan peti surat, saya bolehlah mengarah kepada Jabatan Perkhidmatan Pos sekarang untuk mengadakan peti surat di satu atau dua tempat sebelum kita menswastakan tetapi di kawasan-kawasan yang lain jikalau saya menerima aduan, kita boleh menimbangkan. Berkenaan dengan "Travellers Cheques", inipun satu idea yang baik, Tetapi mengenai Travellers Cheques **ini**, kita kena ada international monetary understanding bersama-sama dengan sesiapa yang mengeluarkan Travellers Cheques seperti di City Bank Corp. dan Thomas Cook dan lain-lain. Saya tidak tahu sama ada Jabatan Perkhidmatan Pos boleh dengan sendirinya mengeluarkan satu monetary instrument seperti itu tetapi ini mesti ditimbang dengan lebih mendalam oleh kerana ini adalah satu perkara yang besar.

Dari pengalaman saya, sekarang ini kalau kita menggunakan Travellers Cheques **pun**, itu tidak berapa sesuai. Kalau kita beli Travellers Cheques di sini, pergi ke Amerika Syarikat, tiap-tiap kali kita masuk bank, mereka boleh tukar \$100 sahaja. Untuk menukar \$500, kita kena pergi lima kali. Cheque besar mereka tidak mahu ambil. Inilah masalah-masalah yang kita hadapi sekarang. Saya sendiripun menghadapi masalah itu. Oleh kerana, itu saya berjanji kepada Yang Berhormat bahawa cadangan ini saya akan sampaikan kepada Pejabat Pos atau kepada Bank Simpanan

Nasional. Bank Simpanan Nasional mempunyai lebih pengalaman untuk menjalankan urusniaga ini dan Pejabat Pos boleh menjadi ejen kepada mereka untuk menjalankan tugas ini.

Untuk menjawab soalan Senator Haji Ahmad Abdullah mengenai masalah- masalah berkenaan dengan penerimaan surat dan lain-lain, saya telahpun saya jawab tadi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Ada satu perkara lain iaitu berkenaan dengan Telekom. Walaupun saya juga menjadi Menteri Telekom, di antara banyak ibusawat sekarang kita gunakan machine. Bila kita telefon untuk minta nombor, dia kata, "letak telefon", "sedang digunakan","tunggu sebentar" dan kemudian dia kata "telefon balik lagi". Saya penat juga berkali-kali, tetapi sungguhpun sistem kita telah menjadi lebih moden, kita mempunyai masalah juga. Tetapi apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya akan menyiasat dan mengambil tindakan-tindakan seperti biasa.

Itu sahaja Yang Puan di-Pertua, dan saya ucapkan tahniah kepada Puan Yang di-Pertua oleh kerana semenjak saya berada dalam Parlimen iaitu dari tahun 1974 sampai sekarang, inilah kali yang pertama, saya nampak seorang wanita duduk di atas kerusi Yang di-Pertua. Jadi, seperti apa yang dikatakan di Amerika Syarikat "the Decade of the Women" tidak jauh lagi. Terima kasih.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Sesungguhnya saya mengambil kesempatan sedikit mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kepercayaan kepada women, walaupun ia bukan merupakan satu 'Women Decade' ataupun sebagai satu 'Tahun Wanita'.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Puan Ainon binti Ariffin **mempengerusikan Jawatankuasa**)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN KANAK-KANAK

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.04 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan Yong Khoon Seng]: Puan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-Kanak

1991 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini mempunyai tiga tujuan utama, iaitu memansuhkan Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947; yang kedua meminda Akta Mahkamah Juvana 1947 dengan memotong Seksyen 35 dan 36 dan meminda Seksyen 37A; dan yang ketiga mengadakan peruntukan-peruntukan perundangan yang menyeluruh mengenai pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Puan Yang di-Pertua, tujuan utama Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak 1991 yang telah digubal ialah untuk mengadakan peruntukan-peruntukan yang lebih baik bagi pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak. Memandangkan bahawa keadaan telah berubah, Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda 1947 yang berkuatkuasa pada masa ini didapati adalah tidak memadai dan tidak memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan negara kita.

Puan Yang di-Pertua, penganiayaan kanak-kanak telah muncul sebagai satu gejala sosial yang besar di negara kita baru-baru ini. Beberapa kes kanak-kanak yang menjadi mangsa kepada gejala ini telah disebarkan dalam akhbar dan televisyen sehingga perkara ini telah menarik perhatian orang ramai. Sebenarnya, masalah ini bukanlah satu perkara yang baru. Masalah ini telahpun wujud di kalangan masyarakat kita sejak dari masa yang lampau. Apa yang boleh dikatakan baru ialah kesedaran terhadapnya telah dipertingkatkan di kalangan masyarakat kita akibat laporan-laporan media massa dan aktiviti pendidikan awam yang telah dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Untuk makluman Dewan yang mulia **ini**, bagi tahun 1979 hingga tahun 1990, sebanyak 1,962 kes penganiayaan kanak-kanak telahpun dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Daripada jumlah itu, bilangan besar sebanyak 51 i kes dilaporkan dalam tahun 1990. Mengikut kajian Jabatan Kebajikan Masyarakat, penganiayaan kanak-kanak berlaku disebabkan oleh perubahan sosial, kebudayaan, demografi dan teknologi yang telah mengakibatkan kelonggaran ikatan kekeluargaan serta menjejaskan institusi keluarga. Secara umum, faktor-faktor seperti yang berikut menyebabkan berlakunya penganiayaan kanak-kanak:

- (i) keciciran keluarga daripada arus kemajuan masyarakat sekeliling akibat kemiskinan;
- (ii) kepincangan- keluarga kerana penghijrahan ke bandar mengakibatkan kekurangan bantuan dan sokongan moral daripada saudara-mara atau masyarakat sekeliling dalam usaha mengatasi masalah keluarganya;
- (iii) kelemahan peribadi ibubapa dalam menghadapi cabaran kerana tekanan hidup dalam suasana kerja dan kehidupan harian;
- (iv) masalah emosi atau peribadi yang khusus kepada individu; dan
- (v) sikap dan nilai terhadap kebudayaan, adat atau kepercayaan karut yang mempengaruhi perhubungan ibubapa terhadap anaknya.

Salah satu masalah besar yang sedang dan telah dihadapi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah kesukaran untuk mendapatkan maklumat yang lengkap tentang kes-kes kanak-kanak yang menjadi mangsa kepada gejala ini. Biasanya kejadian tersebut tidak dilaporkan ataupun laporan dibuat lewat. Masalah ini telah menjejaskan usaha Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mengambil sesuatu tindakan dalam mencegah ataupun memberi perlindungan dan pemulihan kepada mangsa-mangsa itu.

Walaupun sebanyak 1,962 kes penganiayaan kanak-kanak telah dilaporkan sejak tahun 1979 hingga 1990, saya berpendapat bahawa angka ini tidak membayangkan keadaan yang sebenar di negara kita. Adalah diramalkan bahawa masalah ini adalah lebih ketara di kalangan masyarakat kita. Pada hakikatnya, sejauhmana teruknya kejadian penganiayaan kanak-kanak di negara ini tidaklah dapat kita mengetahui dengan jelas dan tepat. Perkara ini berlaku oleh kerana amalan masa kini yang berasaskan kepada kerelaan untuk memberi maklumat mengenai kejadian penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak tidak berkesan. Masyarakat kita pada amnya telah mengambil sikap yang tidak mahu tahu ataupun tidak mahu terlibat dengan masalah orang lain dan oleh itu mengabaikan tanggungjawabnya untuk melaporkan kepada pihak yang berkenaan.

Definisi "penganiayaan" dalam Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947 tidak jelas dan tidak tepat dan oleh itu intepretasinya tidak seragam. Tidak ada satu badan yang bertanggungjawab bagi mengumpul maklumat, merancang, menyelaras dan menyelia masalah penganiayaan kanak-kanak di seluruh negara secara sistematik, dan tidak ada satu mekanisma untuk menggembeling sumbangan individu dan masyarakat dalam usaha menghadapi masalah ini.

Puan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak 1991 merupakan satu usaha menyeluruh untuk mengadakan peruntukan-peruntukan undang-undang yang lebih baik bagi membolehkan Kerajaan mengambil tindakan yang lebih sistematik dan berkesan terhadap mencegah masalah penganiayaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak di negara kita. Rang Undang-undang tersebut mengandungi sebanyak 9 Bahagian dan 50 Fasal. Izinkan saya menyentuh dan menjelaskan beberapa peruntukan yang penting.

Fasal 2 bertujuan memberi definisi yang lebih jelas dan tepat. Di antara yang lain, "kanak-kanak" adalah ditakrifkan sebagai seorang di bawah umur 18 tahun. Fasal 2 juga menghuraikan keadaan yang mesti diwujudkan untuk mentakrifkan sesuatu kes seperti kanak-kanak yang memerlukan perlindungan supaya lebih jelas dan meliputi berbagai situasi.

Fasal 5 bertujuan mewujudkan satu sistem untuk mengumpul dan menyimpan maklumat mengenai kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Satu daftar akan disimpan mengenai semua kes penganiayaan kanak-kanak yang dilaporkan supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat akan dapat menyelia dan mengawas tiap-tiap satu kes dengan lebih berkesan.

Sejajar dengan hasrat Kerajaan yang menekankan bahawa usaha memberi pertolongan adalah tanggungjawab bersama masyarakat, maka Fasal 9 memperuntukkan penubuhan satu Majlis Penyelaras di peringkat nasional bagi perlindungan kanak-kanak untuk merancang, menyelia dan menyelaraskan segala usaha dan sumber yang terlibat dengan perlindungan kanak-kanak.

Di samping itu, Fasal 12 memperuntukkan kuasa kepada Majlis Penyelaras tersebut untuk menubuhkan di seluruh negara pasukan perlindungan kanak-kanak bagi maksud penyelarasan perkhidmatan-perkhidmatan setempat yang diberikan kepada keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan.

Untuk mengatasi masalah berhubung dengan mendapatkan maklumat yang saya telah sebutkan tadi, Fasal 19, mewajibkan seorang pengamal perubatan berdaftar (Registered medical practitioner), dengan izin, untuk memberitahu Pelindung jika dia mensyaki bahawa kanak-kanak yang dirawat oleh dia adalah seorang kanak-kanak yang dianiayai. Doktor yang memberi laporan tersebut akan diberi perlindungan dan tidak menanggung apa-apa **liabiliti**.

Fasal 22 menjamin serta mengutamakan kesejahteraan kanak-kanak dan sekiranya kanak-kanak didapati teraniaya atau dianiaya, mahkamah diberi kuasa memindahkannya ke tempat keselamatan atau kepada keluarga lain yang lebih sesuai supaya hidupnya lebih selamat dan terjamin. Mahkamah akan mengambil keputusan seperti itu hanya setelah menerima laporan siasatan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dan mendengar kenyataan dari ibu-bapa atau ahli keluarga kanak-kanak yang terlibat. Setiap keputusan yang dicapai akan mengambil kira tanggungjawab ibu-bapa atau penjaga,

Di samping hukuman biasa seperti ikat jamin, denda dan penjara yang dipertingkatkan, mereka yang disabitkan dengan kesalahan boleh diperintahkan di bawah Fasal 23 supaya memberi sumbangan nafkah ketika anak berada ditempat keselamatan atau dengan keluarga lain di samping menjalani hukuman mereka juga menerima kaunseling atau perawatan jiwa bagi menjamin masa depan anak itu.

Bagi kesalahan penganiayaan kanak-kanak,penalti di bawah Fasal 26 telah dipertingkatkan daripada denda tidak melebihi \$5,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya sekali kepada denda tidak melebihi \$10,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. Seorang pesalah juga boleh diperintahkan supaya menerima apa-apa kaunseling dan psikoterapi sebagaimana yang dinyatakan oleh mahkamah. Bagi kesalahan membenarkan kanak-kanak mengemis, penalti telah dipertingkatkan daripada denda tidak melebihi \$250 atau penjara tidak melebihi 3 bulan kepada denda tidak melebihi \$5,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Satu kesalahan baru yang telah dimasukkan di bawah Fasal 28 ialah jika seorang ibu bapa atau penjaga meninggalkan seorang kanak-kanak tanpa mengadakan pengawasan dan pemeliharaan yang sepatutnya, ia boleh didenda tidak melebihi \$5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Fasal 41 bertujuan mengadakan peruntukan bagi perlindungan identiti kanak-kanak. Adalah menjadi satu kesalahan jika sesiapa menyiarkan bahan yang mungkin akan mengenalpasti mana-mana kanak-kanak yang berkenaan dengannya satu kesalahan di bawah Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak 1991 atau Bab 16 Kanun Keseksaan atau disyaki telah dilakukan.

Fasal 46 bertujuan merahsiakan identiti pemberi-pemberi maklumat supaya tidak didedahkan di dalam mana-mana prosiding di mana-mana mahkamah atau tribunal atau di hadapan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mendengar keterangan. Tujuan peruntukan ini ialah untuk menggalakkan seta memberi perlindungan kepada pengamal perubatan berdaftar dan orangramai untuk memberi maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa beberapa peruntukan yang telah dicadangkan dalam Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak 1991 seperti kewajipan untuk memberi maklumat dan denda yang akan dikenakan jika kewajipan tersebut diabaikan telah menimbulkan keraguan di kalangan pihak-pihak yang tertentu.

Suka saya menyatakan bahawa peruntukan-peruntukan tersebut telah diteliti dengan halus oleh Kerajaan. Kerajaan berpendapat bahawa buat masa ini peruntukan tersebut perlu diadakan. Sebagai satu masyarakat yang mengamalkan budaya ikram, kita harus mengutamakan kepentingan kanak-kanak di negara kita.

Saya ingin memberi jaminan di dalam Dewan yang mulia ini, bahawa Kerajaan akan bertindak adil kepada semua pihak yang berkenaan dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan tersebut. Tujuan Kerajaan bukanlah untuk mendakwa tetapi menggalakkan serta memberi bantuan di mana yang perlu kepada semua pihak yang berkenaan untuk menunaikan kewajipan dan tanggungjawab mereka.

Saya berpendapat bahawa kini masyarakat umum telah menyedari tentang masalah penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak dan lebih sanggup untuk tampil ke hadapan bagi melaporkan kejadian kes penganiayaan kanak-kanak.

Perkhidmatan Teledera yang telah ditubuhkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan membangun Masyarakat telah menerima sambutan dan sokongan yang baik daripada orang ramai. Saya rasa ini adalah satu tanda yang baik oleh kerana masalah ini tidak dapat diatasi oleh Kerajaan tanpa sokongan dan penglibatan masyarakat. Saya juga rasa bahawa kini kita telah sampai pada masa di mana masyarakat umum mengharapkan suatu tindakan segera dan positif diambil oleh Dewan yang mulia ini untuk menjamin keselamatan dan kebajikan kanak-kanak.

Dalam hubungan ini, saya mempunyai penuh keyakinan bahawa Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak 1991 akan mempertingkatkan lagi keupayaan Kerajaan dalam usahanya mencegah, memulih dan menjamin kesejahteraan kanak-kanak di negara kita.

Butir-butir yang lebih lanjut mengenai peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak ini boleh didapati dalam Huraian Rang Undang-undang tersebut.

Puan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mustapha bin Mohamad: Puan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Puan Aionon binti Ariffin: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan dengannya atau berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Masa yang ada ialah lebih kurang dalam masa 10 minit lagi.

Kalau tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap dalam Akta yang sebegini baik dan begini meluas.....

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: [Bangun]

Puan Ainon binti Ariffin: Ya, silakan.

6.23 ptg.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Puan Yang di-Pertua, sebenarnya saya bercadang bercakap esok, tetapi oleh kerana tiada orang yang bangun, harapkan orang lamalah juga nampaknya.

Puan Ainon binti Ariffin: Syabas, Yang Berhormat.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Puan Yang di-Pertua, sebelum saya bercakap mengenai Rang Undang-undang ini, saya ingin bercakap hal ini sedikit, iaitu berkenaan dengan Dewan. Saya suka menyatakan di dalam Dewan ini bahawasanya penggunaan telefon untuk Ahli-ahli Dewan, kalau boleh sebelum cukup waktunya, bukalah dan tunggulah sampai balik dahulu, baru tutup.

Puan Ainon binti Ariffin: Ahli Yang Berhormat, sila teruskan kepada tajuk.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Untuk perhatian. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini iaitu satu Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak 1991 yang mana saya rasa sangat patutlah diadakan diadakan. Dalam Rang Undang-undang ini kita ada 9 bahagian dan 50 Fasal. Tiap-tiap satu bahagian dan tiap-tiap satu fasal itu sangat penting ataupun sangat baik untuk dilaksanakan oleh Kerajaan kita kelak. Apa yang kita harapkan untuk satu matlamat pencapaian Tahun 2020, semoga kanak-kanak kita bertambah baik nasibnya, dengan adanya undang-undang yang digubal fasal masa ini dan akan dikuatkuasakan tidak berapa lama lagi.

Saya rasa undang-undang ini digubal oleh kerana terjadi atau tersebar luasnya berita kanak-kanak yang terseksa dan selepas daripada itulah baharu kita bertindak dengan lebih tegas lagi dalam menjalankan tugas-tugas untuk menghukum pendera-pendera kanak-kanak itu.

Baru-baru ini kita telah dapat keputusan daripada Mahkamah bahawa pendera-penderan kepada kanak-kanak itu telahpun dihukum dengan begitu setimpal dengan perbuatannya. Semoga dengan adanya hukuman-hukuman yang sedemikian rupa, pada masa yang akan datang kanak-kanak akan lebih baik nasibnya dan juga menyedarkan kepada orang-orang yang suka mendera kanak-kanak ini. Kalau kita fikirkan semula, bukan tidak kasihan, apabila kita mendengar mereka kena rotan, tetapi sangat baiklah hukuman, itu dengan perbuatan dia, bagaimana sakitnya kanak-kanak itu dan bagaimana pula dia akan merasainya kelak.

Walaupun begitu ngeri, tetapi masih ada juga saya fikir yang masih melakukannya. Sepertimana kata Yang Berhormat yang membentangkan Rang Undang-undang ini tadi bahawasanya kita hendakkan kerjasama dari orang ramai dengan banyak dan saya harap kita rakyat Malaysia ini hendaklah bekerjasama ke arah itu untuk melindungi kanak-kanak ini dan juga kepada pihak Kementerian sebagaimana yang telah dinyatakan pada tempoh yang lalu, bahawasanya ia akan melantik orang-orang yang boleh memberi maklumat yang lebih tepat, maka ini hendaklah juga disegerakan perlantikannya itu.

Saya suka mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Puan Yang di-Pertua, untuk melantik Pegawai-pegawai yang bertugas demikian, saya rasa sangat tepat kalau kebanyakannya adalah wanita. Sebab kalau orang lelaki dia tidak akan dapat melihat ke dalam rumah-rumah orang kalau ada penderaan di dalam rumah itu. Kalau wanita, dia boleh masuk sampai ke dalam rumah dan memerhatikan dengan nyata keadaan sedemikian, kerana banyak cara berjalan, bersembang dengan tuan rumah dan dengan sendirinya kita akan dapat mengetahui keadaan kanak-kanak yang terdera di dalam rumah itu ataupun yang lain-lainnya.

Perlantikan ini juga hendaklah diadakan di tiap-tiap kawasan kerana kalau hendak ikut Pegawai Kebajikan Masyarakat di daerah-daerah adalah terlalu kecil bilangannya. Semoga dengan adanya tambahan-tambahan kerja dan juga pegawai-pegawai ini, akan menyenangkan bagi pihak Kementerian daripada penjagaan penderaan kanak-kanak begitu juga kepada memberikan perkhidmatan kepada orang-orang tua di dalam kawasan masing-masing. Maka dengan ini bertambah jayalah negara kita, bertambah lengkap kehidupannya, kemakmurannya, keselesannya, tiada penderaannya daripada tugas-tugasnya sepertimana beberapa kertas yang kita bincangkan tadi untuk pembelaan semua rakyat maka mencapai matlamat Tahun 2020 itu sangat baik.

Puan Aion binti Ariffin: Ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa telah menunjukkan tepat jam 6.30 petang, Yang Berhormat akan diminta menyambung ucapannya seperti yang dihajatkan tadi pada esok hari selepas kita membentangkan Rancangan Malaysia Keenam pada 1.8.1991.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Terima kasih, Puan Yang di-Pertua.

Puan Aion binti Ariffin: Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, dengan ini saya tangguhkan Dewan ini hingga esok hari 1.8.1991 jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.